

كتاب الأربعين في بيان سلاح المؤمن  
40 PEDOMAN

## Senjata Hamba Beriman

Pertubuhan ini mula bergerak melaksanakan kempen dan bantuan kepada pelarian dan mangsa-mangsa peperangan Syria pada tahun 2011. Ketika itu, kami bergerak dengan nama 'Syria Di Hatiku' yang bernaung di bawah Pertubuhan Sinar Damsyik (PERSIDAM).

Melalui hasil sumbangan rakyat Malaysia, bantuan secara berkala mula dihantar ke kem-kem pelarian Syria pada tahun 2012.

Pada tahun 2018, Pertubuhan Peduli Insan Malaysia didaftarkan secara rasmi bagi meluaskan lagi kerja dan bantuan misi-misi kemanusiaan.

Pada awal penubuhan pertubuhan ini, kami dikenali dengan nama Insan Care. Namun, setelah beberapa ketika Pertubuhan Peduli Insan Malaysia lebih selesa dikenali sebagai Peduli Insan.

Pejabat operasi Peduli Insan juga telah ditubuhkan di Turki dan Syria bagi melancarkan lagi kerja-kerja kemanusiaan.

Kini Peduli Insan tidak lagi tertumpu kepada kes-kes bantuan kemanusiaan di Syria sahaja, sedikit demi sedikit kami cuba untuk melebarkan jaringan dan bantuan kepada masyarakat seluruh dunia yang memerlukan.

Pada tahun 2020, projek kemanusiaan pertama telah dilancarkan di Malaysia bagi membantu rakyat negara ini. Bermula dengan projek Cov-Aid yang menyasarkan golongan yang terjejas ketika pandemik Covid-19, perlahan-lahan Peduli Insan mula menyusun bantuan-bantuan lain buat rakyat Malaysia yang memerlukan.

Untuk menyumbang layari :



**BANK ISLAM**  
07043011061835  
"PERTUBUHAN PEDULI INSAN MALAYSIA"  
[www.peduliinsan.org](http://www.peduliinsan.org) | [info@peduliinsan.org](mailto:info@peduliinsan.org)

40 PEDOMAN

Senjata Hamba Beriman  
كتاب الأربعين في بيان سلاح المؤمن

Susunan :  
UNIT PENYELIDIKAN & KAJIAN SYARIAH  
PERTUBUHAN PEDULI INSAN MALAYSIA

Susunan :  
UNIT PENYELIDIKAN & KAJIAN SYARIAH  
PERTUBUHAN PEDULI INSAN MALAYSIA

كتاب الأربعين في بيان سلاح المؤمن  
40 PEDOMAN

## Senjata Hamba Beriman

Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepadaKu  
nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.

( Surah Al-Mu'min : 60)



**PEDULI INSAN**  
PERTUBUHAN PEDULI INSAN MALAYSIA  
PPM-028-10-29082018

Susunan :  
UNIT PENYELIDIKAN & KAJIAN SYARIAH  
PERTUBuhan PEDULI INSAN MALAYSIA

كتاب الأربعين في بيان سلاح المؤمن

40

PEDOMAN

*Senjata Hamba Beriman*



**PEDULI INSAN**  
PERTUBuhan PEDULI INSAN MALAYSIA  
PPM-028-10-29082018

Terbit Edisi September 2022  
@Pertubuhan Peduli Insan Malaysia



Tajuk :  
40 Pedoman Senjata Hamba Beriman  
Susunan : Unit Penyelidikan & Kajian Syariah  
Pertubuhan Peduli Insan Malaysia  
Reka bentuk kulit dan atur huruf : Saifullah

Diterbitkan oleh :  
Pertubuhan Peduli Insan Malaysia  
38, Jalan Bola Tampar 13/14, Seksyen 13,  
40100 Shah Alam, Selangor

# Pendahuluan

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ . أَمَّا بَعْدُ

Berdoa merupakan intipati kehambaan yang dizahirkan oleh seorang manusia kepada Tuhannya. Ketika berdoa, manusia akan berterus-terang dengan Tuhannya, mengadu segala kesusahan dan kesedihan serta menceritakan segala perkara termasuk hal-hal yang bersifat peribadi atau remeh tanpa rasa segan dan malu.

Inilah yang telah diajarkan oleh Nabi s.a.w dalam sebuah hadith:

لَيْسَ أَلْأَحَدُكُمْ رَبَّهُ حَاجَتُهُ حَتَّى يَسْأَلَهُ الْمَلْحَ، وَحَتَّى يَسْأَلَهُ شَيْعَ تَعْلِهِ إِذَا انْقَطَعَ<sup>1</sup>

*Hendaklah seseorang itu meminta keperluannya kepada Tuhannya. Ia hendaklah meminta kepada Tuhan walaupun hajat sekecil garam dan disebabkan tali seliparnya yang putus.*

Jika perkara remeh sudah disaran adu kepada Allah, maka lebih-lebih lagi hal-hal yang lebih besar. Berdoa dengan apa jua uslub bahasa adalah baik. Ia masih termasuk dalam ibadah dan ketundukan kepada Allah. Namun berdoa menggunakan riwayat yang *warid* dari sumber wahyu tentunya lebih afdhal. Ini kerana teks doa yang ma`thur dari Al-Quran dan Hadith adalah lebih merangkum dan mempunyai pemilihan perkataan yang lebih tepat dan padat.

Buku ini memuatkan sekitar 40 rangkap doa yang telah divedik dari hadith-hadith Nabi s.a.w dan Al-Quran.

<sup>1</sup> Abu Isa At-Tirmizi, **Sunan At-Tirmizi**, 5/583

Kebanyakan doa yang dimuatkan adalah berbentuk *al-jawami`* iaitu doa-doa yang ringkas tetapi mempunyai makna yang mencakupi segala kebaikan atau menolak keburukan yang pelbagai. Catatan ini juga cuba menyenaraikan doa-doa yang berasaskan situasi dan realiti kehidupan manusia yang merangkumi keperluan dunia dan akhirat, sama ada ia melibatkan diri, harta-benda, rezeki, agama, akhlak, kesihatan, emosi dan pelbagai lagi yang membabitkan diri sendiri dan orang lain.

Setiap doa yang diletakkan, turut disertakan biodata ringkas tentang perawi sahabat Nabi serta huraian yang sederhana bagi memberi gambaran umum terhadap maksud dan kebaikan doa tersebut. Selain itu, penulis juga meletakkan warna khusus pada teks doa dan maksudnya agar ia dapat membantu para pembaca mengenalpasti di antara teks doa dan pernyataan hadith.

Semoga, sedikit perkongsian ini dapat membantu kita untuk mengamalkan doa, melebarkan manfaat kepada manusia dan menjadi asbab pihak penyusun buku ini dilimpahi keberkatan di dunia dan di akhirat.

*Shah Alam,*  
*8 Ogos 2022*

# Janji Allah Kepada Pendoa

Allah berfirman:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ ۚ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۗ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي  
وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

*Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku, maka (beritahu mereka), sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka mereka hendaklah memenuhi seruanKu (dengan mematuhi perintahKu) dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka selalu berada dalam kebenaran.*

(Surah Al-Baqarah: 186)

## Pedoman Ayat:

1. Berdoa merupakan simbol kehambaan manusia kepada Allah s.w.t. Ketika berdoa, manusia menzhahirkan kelemahan dan kefakiran diri kepada Tuhannya serta memperakui kekuasaan dan kehebatan Allah, Tuhan yang Maha Kaya.
2. Ayat ini menjelaskan, Allah s.w.t dekat kepada hamba-hambaNya dari sudut Dia mengetahui hal ehwal mereka, mendengar rintihan mereka serta melihat kerja buat mereka<sup>2</sup>. Merasai keadaan ini boleh meningkatkan rasa optimis terhadap pengkabulan doa.

<sup>2</sup> Wahbah Az-Zuhaili, *At-Tafsir Al-Munir*, 2/151

3. Hanya kepada Allah sahaja kita meminta-minta kerana Dialah Tuhan yang Maha Berkuasa. Setiap orang Islam boleh berdoa kepada Allah pada bila-bila masa asalkan ia dilakukan dengan ikhlas bersama adab-adab berdoa.
4. Di antara prasyarat pengkabulan doa ialah keimanan yang benar kepada Allah dan mematuhi perintah-perintahNya<sup>3</sup>.
5. Allah mengkabulkan doa hambaNya dengan pelbagai cara. Ada ketikanya, Allah memberikan terus hajat hambaNya. Ada ketika yang lain, Allah mempermudah untuk pendoa sebab dan jalan untuk mendapatkan hajat mereka<sup>4</sup>.

---

3 Wahbah Az-Zuhaili, **At-Tafsir Al-Munir**, 2/152

4 Wahbah Az-Zuhaili, **At-Tafsir Al-Munir**, 2/151

## Doa Setelah Bangun Dari Tidur

عَنْ حُذَيْفَةَ بْنِ الْيَمَانِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا  
اسْتَيْقَظَ قَالَ : الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ .

رَوَاهُ الدَّارِمِيُّ

*Daripada Huzaifah bin Al-Yaman r.anhuma katanya:*

*Nabi s.a.w apabila bangun dari tidur akan berdoa: Segala puji bagi Allah yang telah menghidupkan kita setelah Dia mematikan kita, dan kepadaNya jua seluruh makhluk dibangkitkan.*

*(H.R Ad-Darimi)*

### Biografi Sahabat:

Abu Abdullah adalah kuniah kepada Huzaifah. Nama penuhnya ialah Huzaifah bin Hisl @ Husail. Beliau dilahirkan di Madinah.

Bapanya Hisl @ Husail bin Jabir. Oleh kerana keturunan beliau berasal dari Yaman, Hisl mula dikenali dengan panggilan Al-Yaman sejak beliau bergabung meminta perlindungan dengan Bani `Abd Al-Asyhal yang menetap di Madinah. Ibu Huzaifah pula bernama Ar-Rabab binti Ka `ab, merupakan wanita tempatan Madinah dari suku Aus.

Huzaifah merupakan salah seorang sahabat Nabi yang bijak dan berpotensi tinggi. Atas sebab itu beliau dilantik oleh Nabi sebagai penjaga rahsia Rasulullah s.a.w.

• Suatu ketika, Umar bin Al-Khattab berkata kepada



sekumpulan sahabatnya, “nyatakan, apakah cita-cita kalian?” Mereka semua bercita-cita ingin memiliki harta yang memenuhi sebuah gudang untuk didermakan di jalan Allah. Namun Umar memiliki cita-cita yang lain. Dia berkata, “saya pula bercita-cita ingin memiliki insan-insan hebat seperti Abu Ubaidah Al-Jarrah, Muaz bin Jabal dan Huzaifah bin Al-Yaman untuk menugaskan mereka dalam kerja-kerja menjulang agama Allah.”

Huzaifah meninggal dunia pada tahun 36 hijrah di Al-Madain, Iraq.

### **Pedoman Doa:**


1. Aktiviti harian manusia bermula dengan bangun dari tidur. Ketika itu, kita disunatkan membaca doa ini agar ia menjadi zikir pemula dalam kehidupan harian<sup>5</sup>.
2. Antara hikmah doa ini ialah<sup>6</sup>:
  - Memperbaharui keimanan kepada Allah apabila kita mengiktiraf Allah sebagai Tuhan yang menghidupkan dan mematikan makhluk.
  - Memulakan kehidupan harian dengan menyebut perkataan-perkataan yang mulia dan baik.
3. Hakikatnya, tidur bukanlah sebuah kematian. Namun ia dipanggil sebagai kematian kerana keduanya mempunyai situasi yang mirip iaitu kaku dan tidak bergerak<sup>7</sup>.

---

5 Ibn Battal, **Syahr Sahih Al-Bukhari**, 10/91

6 Al-Qadhi Iyadh, **Ikmal Al-Mu`lim Bi Fawaid Muslim**, 8/212

7 Al-Qadhi Iyadh, **Ikmal Al-Mu`lim Bi Fawaid Muslim**, 8/212. Al-Husain bin Mahmud Al-Muzhiri, **Al-Mafatih Syahr Al-Masabih**, 3/205

- 
4. Orang yang terjaga dan bangun dari tidur juga dimiripkan dengan orang mati yang dibangkitkan di padang mahsyar.
  5. Situasi ini dapat mengingatkan manusia dengan kehidupan setelah kematian sekaligus mengukuhkan keimanan mereka dengan kehidupan semula di hari akhirat.

## Doa Memasuki Tandas

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ هَذِهِ :  
 الْحُشُوشَ مُحْتَضِرَةٌ. فَإِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَقُلْ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْحُبْثِ وَالْحَبَائِثِ  
 رَوَاهُ أَحْمَدُ

*Daripada Zaid bin Arqam r.anhu, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:*

*Sesungguhnya kawasan pokok-pokok ini<sup>8</sup> sering dikunjungi oleh syaitan. Maka apabila ada di kalangan kalian yang datang (untuk membuang air), ia hendaklah berdoa: "Ya Allah sesungguhnya aku berlindung denganMu dari syaitan jantan dan syaitan betina.*

### Biografi Sahabat:

Nama penuh beliau ialah Zaid bin Arqam bin Zaid bin Qais bin An-Nu`man bin Malik Al-Khazraji Al-Ansari. Beliau berasal dari suku Al-Khazraj yang menetap di Madinah. Sejak kecil, Zaid telah kematian bapanya dan ia hidup di bawah asuhan Abdullah bin Rawahah.

Beliau di antara remaja yang diminta pulang oleh Nabi dari menyertai perang Uhud kerana usianya belum mencapai had kelayakan. Beberapa orang lagi sahabat Nabi seperti Abdullah bin Umar, Al-Bara` bin `Azib dan Abu Sa`id Al-Khudri turut mendapat keputusan yang sama.

<sup>8</sup> *Husyush* bermaksud kawasan yang mempunyai banyak pokok, yang digunakan oleh manusia di zaman dulu untuk membuang air kecil atau besar. Lihat Abu Sulaiman Al-Khattabi, **Ma`alim As-Sunan**, 1/10

Zaid pernah menyertai 17 dari 19 peperangan bersama-sama Rasulullah s.a.w. Beliau juga meriwayatkan sekitar 70 buah hadith dari baginda.

Para sarjana berbeza pandangan pada tarikh kewafatan beliau, di antara tahun 66 hijrah atau tahun 68 hijrah. Namun mereka bersepakat, Zaid bin Arqam wafat di Kufah, Iraq.

### **Pedoman Doa:**

1. Ini adalah doa memasuki tandas yang pernah diamalkan oleh Rasulullah s.a.w.
2. Doa ini hendaklah diamalkan ketika hendak memasuki tandas<sup>9</sup>.
3. Hadith ini menjelaskan, syaitan sering berkumpul di tempat-tempat manusia membuang air, kerana ia merupakan tempat yang sunyi dari aktiviti zikir kepada Allah. Justeru, Nabi mengajar umatnya berdoa meminta perlindungan Allah dari kejahatan syaitan di tempat tersebut.
4. Sebahagian riwayat ada menyebutkan<sup>10</sup>, doa atau zikir yang dibaca ketika memasuki tandas dapat menutup pandangan jin dari melihat aurat orang yang sedang membuang air<sup>11</sup>.

<sup>9</sup> Yahya bin Syaraf An-Nawawi, **Syarh An-Nawawi `Ala Muslim**, 4/71

<sup>10</sup> Iaitu hadith dalam Sunan Ibn Majah, no. hadith 297 iaitu:

سِتْرُ مَا بَيْنَ الْجِنَّ وَعَوْرَاتِ بَنِي آدَمَ إِذَا دَخَلَ الْكَنِيفَ أَنْ يَقُولَ: بِسْمِ اللَّهِ  
*Penghadang di antara pandangan jin dan aurat manusia apabila memasuki tandas ialah ia berkata: "Bismillah..." (Dengan nama Allah...)*

<sup>11</sup> Lihat Ibn Battal, **Syarh Sahih Al-Bukhari**, 10/91

5. Manusia tidak mengetahui perkara ghaib kerana ia terlindung dari pengetahuan dan pandangan mereka. Ia hanya diketahui melalui sumber wahyu iaitu Al-Quran dan Hadith Nabi yang sabit.

## Doa Keluar Dari Tandas

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَرَجَ مِنَ  
الْحَلَاءِ قَالَ:  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الْأَذَى وَعَافَانِي.

رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهَ

*Daripada Anas bin Malik r.anhu katanya, Nabi s.a.w apabila telah keluar dari tandas akan berdoa:*

*Segala puji bagi Allah yang telah menghilangkan dariku kesakitan dan memberikan kesihatan kepadaku.*

*(H.R Ibn Majah)*

### Biografi Sahabat:

Anas bin Malik turut dikenali dengan kunyah Abu Hamzah. Beliau berasal dari suku An-Najjar yang merupakan cabang dari kabilah Al-Khazraj. Datuknya yang ke-7, `Amir bin Ghanm adalah bapa saudara kepada nenek Nabi yang ke-2, Salma binti Amru An-Najjariah yang juga merupakan isteri Hasyim bin `Abd Manaf, datuk Nabi yang ke-2.

Anas dilahirkan di Madinah 10 tahun sebelum peristiwa hijrah. Beliau merupakan seorang sahabat Nabi, ilmuwan, mufti, penghafal Al-Quran dan perawi hadith. Beliau mula menjadi pembantu peribadi Nabi ketika berusia 11 tahun sejak Nabi tiba di Madinah sehinggalah baginda wafat. Walaupun usia beliau masih terlalu muda, namun beliau mampu menghafal dan mengingati segala peristiwa.


yang berlaku kepada Nabi s.a.w, sehingga Abu Hurairah berkata, "Aku tidak pernah melihat orang yang paling mirip solatnya dengan solat Nabi seperti Anas bin Malik."

Setelah Rasullullah s.a.w wafat, Anas menjadi pembantu kepada khalifah Abu Bakar, Umar dan Uthman. Setelah itu, beliau berpindah ke Basrah dan tinggal di sana. Beliau meninggal dunia pada tahun 93H ketika berusia 103 tahun.

Anas merupakan sahabat Nabi yang terakhir yang meninggal dunia di kawasan Basrah.

### **Pedoman Doa:**

1. Ini adalah doa keluar tandas yang pernah diamalkan oleh Rasulullah s.a.w.
2. Doa ini mengandungi unsur pujian dan syukur kepada Allah atas nikmat membuang air kecil dan air besar secara normal.
3. Setiap makanan yang diambil oleh manusia, khasiatnya akan diproses, dicerna dan diserap ke dalam badan. Kemudian hampas makanan tersebut akan dikeluarkan oleh tubuh melalui proses membuang air.
4. Najis yang keluar dari tubuh manusia adalah lebihan cecair yang tidak diperlukan oleh badan. Ia disingkirkan melalui air kencing dan najis tahi.
5. Jika kedua-dua sistem ini tidak lancar, ia akan menimbulkan pelbagai masalah kesihatan kepada manusia.
6. Sistem pembuangan air kecil dan air besar adalah nikmat anugerah Allah kepada manusia agar



tubuh mereka dapat berfungsi dengan baik serta memberikan keselesaan dalam kehidupan.

7. Semoga dengan pujian dan syukur melalui doa ini akan memanjangkan lagi jangka hayat sistem kesihatan tubuh badan kita.



## Penghulu Segala Istighfar

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ: **اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي، فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.** قَالَ: وَمَنْ قَالَهَا مِنَ النَّهَارِ مُوقِنًا بِهَا، فَمَاتَ مِنْ يَوْمِهِ قَبْلَ أَنْ يُمْسِيَ، فَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ. وَمَنْ قَالَهَا مِنَ اللَّيْلِ وَهُوَ مُوقِنٌ بِهَا، فَمَاتَ قَبْلَ أَنْ يُصْبِحَ، فَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ.

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ

Dari Syaddad bin Aus r.anhu, sabda Nabi s.a.w: "Penghulu segala istighfar ialah:

*Ya Allah, Engkaulah Tuhanku, tidak ada tuhan kecuali Engkau. Engkau telah menciptakan aku dan aku adalah hambaMu. Aku menuruti ketentuan-ketentuanMu dan janji-janji kepadaMu semampuku. Aku memohon perlindunganMu dari segala kejahatan angkara perbuatanku. Aku memperakui seluruh nikmat yang Engkau berikan serta mengakui segala dosaku, maka ampunkanlah aku, kerana sesungguhnya tidak ada yang dapat mengampuni segala dosa kecuali Engkau jua.*

*Kata Nabi: Sesiapa yang membacanya di waktu siang dengan ikhlas dan meyakini kelebihanannya, lalu ia mati pada hari tersebut sebelum tiba waktu malam, ia termasuk di kalangan ahli syurga. Dan sesiapa yang membacanya di waktu malam dengan ikhlas dan meyakini kelebihanannya, lalu ia mati di waktu*

*malam sebelum tiba waktu pagi, ia tergolong di kalangan ahli syurga."*

*H.R Al-Bukhari*

### **Biografi Sahabat:**

Syaddad bin Aus bin Thabit An-Najjari Al-Khazraji merupakan anak saudara kepada Hassan bin Thabit, penyair Nabi s.a.w.


Beliau dikenali sebagai individu yang warak, zuhud, bersikap lemah lembut (penyabar) dan berilmu. Abu Darda' pernah berkata tentang Syaddad, "sesungguhnya Syaddad bin Aus adalah orang yang berilmu dan berpekeriti baik."

Khalid bin Ma` dan berkata: "Tidak ada di negeri Syam ini insan yang lebih dipercayai, lebih berilmu dan dikasihi ramai selain dari Ubadah bin As-Samit dan Syaddad bin Aus."

Beliau wafat pada tahun 58 hijrah ketika berusia 75 tahun dan dikebumikan di Baitul Maqdis.

### **Pedoman Doa:**

1. Doa ini dikenali sebagai penghulu istighfar kerana lafaznya menghimpunkan seluruh maksud taubat, di samping mengiktiraf kesempurnaan dan keagungan Allah serta memperakui kelemahan dan kekurangan manusia.
2. Maksud 'menuruti ketentuan dan janji terhadap Allah' ialah beriman kepada Allah dengan keimanan yang benar, melaksanakan ketaatan kepadaNya, meninggalkan maksiat dan berserah diri (tawakkal) kepadaNya.
3. Istighfar ini sunat diamalkan di waktu pagi dan



malam dengan ikhlas dan penuh penghayatan agar Allah menjadikan pengamalNya di kalangan ahli syurga.

4. Istighfar ini turut mengajar kita meminta perlindungan dari Allah agar dipelihara dari anasir kejahatan yang mungkin ditimbulkan oleh diri sendiri.
5. Manusia perlu berhati-hati dengan diri sendiri dan selalu memantau hati kerana nafsu dan syaitan sentiasa kreatif berusaha membuatkan manusia terjebak dengan keburukan melalui fikiran, perbuatan dan kata-kata.

## Doa Memohon Keampunan Di Dalam Solat

عَنْ أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَّمَهُ دُعَاءً فِي الصَّلَاةِ:

اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا، وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ، فَاعْفِرْ لِي مَعْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَارْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

*Daripada Abu Bakr As-Siddiq r.anhu, bahawa Rasulullah s.a.w pernah mengajarkannya sepotong doa di dalam solat:*

*Ya Allah, sesungguhnya aku telah banyak menzalimi diriku dan tiada yang dapat mengampunkan dosa-dosa melainkan Engkau jua. Maka, ampunilah daku dengan keampunan dari sisi-Mu serta rahmatilah daku. Sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang Maha Pengampun lagi Maha Pemberi rahmat."*

*H.R Al-Bukhari dan Muslim*

### Biografi Sahabat:

Nama asal Abu Bakr di zaman jahiliyyah ialah Abd Al-Ka`abah (hamba kepada Ka`abah). Namun Nabi s.a.w telah menukar nama beliau kepada Abdullah. Nama penuh beliau ialah Abdullah bin Uthman bin `Aamir bin `Amr At-Taimi. Beliau lebih dikenali dengan kunyahnya, Abu Bakr.

Abu Bakr pernah berkahwin dengan 4 orang wanita

iaitu:

*Qutailah binti Abdul Uzza, Ummu Ruman binti `Aamir dari Bani Kinanah, Asma' binti Umais dan Habibah binti Kharijah.*

Dari perkahwinan tersebut, beliau dikurniakan 6 orang anak, di mana 5 dari mereka berstatus sahabat Nabi. Mereka ialah Abdul Rahman, Abdullah, Muhammad, Asma' dan `Aisyah. Sementara Ummu Kulthum dilahirkan oleh ibunya Habibah binti Kharijah beberapa bulan selepas kewafatan Abu Bakr.

Abu Bakr mempunyai keturunan yang unik kerana 4 peringkat keturunannya berpeluang menjadi sahabat Nabi s.a.w. Ibu dan bapa Abu Bakr adalah sahabat Nabi. Beliau dan isterinya juga sahabat Nabi. Anak-anak dan menantunya juga sahabat Nabi. Malah cucunya turut menjadi sahabat Nabi iaitu Abdullah bin Az-Zubair, anak kepada Asma' binti Abu Bakr.

Abu Bakr memegang tampuk khalifah selama 2 tahun 3 bulan. Beliau wafat ketika berusia 63 tahun. Jenazahnya telah dimandikan oleh isterinya, Asma' binti Umais atas wasiat beliau sendiri. Kemudian jenazahnya disolatkan dengan diimamkan oleh Umar. Beliau dikebumikan bersebelahan kubur Nabi s.a.w.

### **Pedoman Doa:**

1. Memperakui kelemahan diri dan merayu kepada Allah ketika berdoa adalah salah satu adab yang boleh menurunkan rahmat dan pengkabulan dari Allah s.w.t<sup>12</sup>.
2. Doa ini mengajar kita meminta *maghfirah* dan *rahmat*

<sup>12</sup> Abu Al-Muzaffar Az-Zuhli Asy-Syaibani, **Al-Ifsah `An Ma`ani As-Si-hah**, 1/51

dari Allah. *Maghfirah* bermaksud pengampunan Allah yang menghapuskan dosa. Manakala dengan *rahmat* Allah pula, kita meminta limpahan kebaikan dariNya<sup>13</sup>.

3. Doa ini sunat dibaca selepas membaca *tahiyyat akhir* sebelum memberi salam. Ia merupakan doa meminta keampunan kepada Allah atas segala kesalahan yang dilakukan.
4. Kesalahan dan dosa yang dilakukan, hakikatnya adalah penganiayaan ke atas diri sendiri. Ia merugikan pelakunya dan boleh menimbulkan pelbagai akibat buruk di dunia dan akhirat – jika pelakunya tidak berhenti dan bertaubat kepada Allah.
5. Atas sebab ini, kita sentiasa diingatkan agar menjauhi segala bentuk maksiat dan dosa, sama ada terhadap Allah atau para makhluk. Tegahan tersebut adalah tanda kasih Allah dan RasulNya kepada kita agar kita terelak dari mudarat di sebalik maksiat.

---

13 Syams Ad-Din Al-Karmani, **Al-Kawakib Ad-Darari Syarh Sahih Al-Bukhari**, 22/138

## Doa Meminta Kesejahteraan Pada Agama, Dunia dan Akhirat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:  
اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لِي دِينِي الَّذِي هُوَ عِصْمَةُ أَمْرِي، وَأَصْلِحْ لِي دُنْيَايَ الَّتِي فِيهَا مَعَاشِي،  
وَأَصْلِحْ لِي آخِرَتِي الَّتِي فِيهَا مَعَادِي، وَاجْعَلْ الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ خَيْرٍ، وَاجْعَلْ  
الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ.

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

*Daripada Abu Hurairah r.anhu katanya, Rasulullah s.a.w dahulu sering berdoa:*

*Ya Allah, perbaikilah untukku agamaku yang menjadi pemelihara segala urusanku, perbaikilah untukku duniaku yang menjadi tempat aku menjalani kehidupan, perbaikilah untukku akhiratku yang menjadi tempat kembaliku, jadikanlah dunia ini sebagai tempat aku menambah segala kebaikan dan jadikanlah kematian sebagai kerehatanku dari segala kejahatan.*

*H.R Muslim*

### Biografi Sahabat:

Nama Abu Hurairah sebelum memeluk agama Islam ialah Abd Asy-Syams (hamba kepada matahari). Setelah memeluk Islam, Nabi telah menukar namanya kepada Abd Ar-Rahman. Baginda turut memberi kunyah kepadanya dengan panggilan Abu Hurairah.

Beliau berasal dari perkampungan Daus, Yaman. Disebabkan tertarik dengan keindahan Islam melalui dakwah At-Tufail bin Amr Ad-Dausi di Yaman, Abu Hurairah datang ke Madinah dan memeluk Islam pada tahun ke-7 hijrah di hadapan Nabi s.a.w. Sejak itu, beliau menetap di Madinah sehingga ke akhir hayat Baginda.

Abu Hurairah hanya sempat hidup bersama Nabi sekitar 3 tahun sahaja. Kebanyakan masanya dihabiskan untuk belajar dan menyertai segala aktiviti anjuran Nabi s.a.w. Atas ketekunan beliau, beliau menjadi di antara sahabat Nabi yang banyak meriwayatkan hadith dengan jumlah 5374 buah hadith.

Beliau meninggal dunia di Madinah pada tahun 57 hijrah.

### **Pedoman Doa:**

1. Ini di antara doa yang *syamil* (merangkum) dan *jawami`*<sup>14</sup>(yang menghimpun pelbagai kebaikan).
2. Di dalam hadith ini, Nabi s.a.w mengajar umatnya meminta kepada Allah agar diperbaiki untuk mereka 5 perkara:

**Agama**<sup>15</sup>: Iaitu meminta cara beragama yang betul hingga agama Islam yang dianuti dapat memelihara diri dari segala anasir buruk dan nilai-nilai yang rendah.

**Dunia**: Meminta perlindungan dari unsur kerosakan di dunia serta diberikan kemudahan dalam segala

---

<sup>14</sup> Doa yang *jawa mi`* bererti doa yang ringkas tapi maksudnya padat dengan segala kebaikan dunia dan akhirat.

<sup>15</sup> Maksud agama di sini ialah cara melaksanakan ketaatan dalam agama atau cara beragama dalam kehidupan. Lihat Hammad Al-Fadhil Al-Lafi, **Muqaddimah Manhajiyah Fi Tarikh Al-Adyan Al-Muqaranah**, 78



urusan seperti kelancaran rezeki, hubungan yang baik sesama manusia, terelak dari persengketaan dan apa sahaja yang berkaitan dengan kehidupan di dunia<sup>16</sup>.

**Akhirat:** Memohon agar akhirat menjadi tempat kembali yang aman dan sejahtera melalui asbab ketaatan dan amalan soleh di dunia<sup>17</sup>.

**Kehidupan:** Meminta usia dan kehidupan ini, dapat dipenuhi dengan amalan soleh, perbuatan kebajikan dan aktiviti berfaedah<sup>18</sup>.

**Kematian:** Menjadikan kematian sebagai sebab terelak dari keburukan dan kejahatan yang lebih besar.

3. Doa seumpama ini amat bagus untuk diamalkan kerana ia melibatkan permintaan asas-asas kebahagiaan hidup yang didambakan oleh manusia, di dunia dan jua akhirat.

---

16 Al-Husain bin Mahmud Al-Muzhiri, **Al-Mafatih Fi Syarh Al-Masabih**, 3/243

17 Ibid

18 Ibid

} Justify

## Doa Memohon 4 Perkara Yang Penting Dalam Kehidupan

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُقُولُ :  
 اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَىٰ وَالْتِقَىٰ وَالْعِفَافَ وَالْغِنَىٰ .

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

*Daripada Abdullah bin Mas`ud r.anhu, bahawa Rasulullah s.a.w sering membaca doa:*

*Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu petunjuk, ketaqwaan, kehormatan diri dan kekayaan.*

*H.R Muslim*

### Biografi Sahabat:

Abdullah bin Mas`ud mempunyai kedudukan yang istimewa di sisi Nabi s.a.w. Beliau sentiasa mendampingi Nabi dan tergolong di kalangan sahabat Nabi yang memiliki kefahaman agama yang mendalam (Fuqaha` As-Sahabah).

Disebabkan keilmuan beliau yang tinggi, Abdullah telah dihantar ke Kufah untuk menjadi guru dan ilmuwan rujukan di sana. Ia berlaku di zaman pemerintahan Saidina Umar bin Al-Khattab.

Hasil usaha gigih penyebaran ilmu di Kufah, muncullah aliran fiqh dari ijtihad beliau, yang kemudiannya mencetuskan aliran fiqh Mazhab Hanafi.

Abdullah bin Mas`ud adalah seorang insan dari

golongan OKU kerana tubuhnya yang kerdil. Pernah sekali segelintir sahabat Nabi mentertawakan Abdullah kerana betisnya yang sangat kecil. Lalu Nabi s.a.w bersabda: "Seandainya betis Abdullah ditimbang bersama Bukit Uhud, nescaya betisnya akan lebih memberatkan timbangan."

### **Pedoman Doa:**

Dalam hadith ini, Rasulullah s.a.w mengajar umatnya meminta 4 perkara penting dalam kehidupan iaitu:

- a. **Al-Huda** (Petunjuk) – Ia bermaksud jalan kebenaran yang telah disusuri oleh golongan nabi dan orang-orang yang soleh<sup>19</sup>, yang menatijahkan kejayaan menyeberangi titian as-sirat menuju ke syurga.
- b. **At-Tuqa** (Ketaqwaan) – Asas taqwa ialah sikap berhati-hati dan berwaspada<sup>20</sup>. Dalam konteks kehidupan, orang-orang beriman perlu berwaspada dan takut kepada Allah<sup>21</sup> dalam setiap kata-kata dan tingkah lakunya dengan memastikan ia menepati perkara yang diredai oleh Allah dan tidak terjebak dengan kemurkaannya.
- c. **Al-`Afaf** (Kehormatan diri) – Ini terhasil apabila manusia berupaya menahan diri dari melakukan perbuatan buruk atau perkara yang tidak wajar, seperti<sup>22</sup>:
  - i. Mengelak dari melakukan perbuatan yang

19 Abu Al-Abbas Al-Qurtubi, **Al-Mufhim Li Ma Ushkila Min Talkhis Kitab Muslim**, 7/49

20 Abu Al-Muzaffar Az-Zuhli Asy-Syaibani, **Al-Ifsah `An Ma`ani As-Sihah**, 2/128

21 Abu Al-Abbas Al-Qurtubi, **Al-Mufhim Li Ma Ushkila Min Talkhis Kitab Muslim**, 7/49

22 Abu Al-Muzaffar Az-Zuhli Asy-Syaibani, **Al-Ifsah `An Ma`ani As-Sihah**, 2/128

mengaibkan diri.

ii. Mengelak dari mengharap pemberian orang semata-mata (tidak berusaha).

iii. Memelihara diri dari sifat tamak dan gelojoh dengan keduniaan<sup>23</sup>.

- d. **Al-Ghina** (Kaya) – Kaya yang dimaksudkan ialah kaya jiwa. Jiwa yang kaya ialah jiwa yang merasa tenang dan cukup dengan rezeki agihan Tuhan setelah usaha dijalankan. Ia tidak merasa tamak dengan apa yang ada dalam tangan orang lain, tidak mengejar rezeki yang haram dan tidak tergamak mencetus permusuhan, mengorbankan silaturrahim, menggadaikan maruah atau melanggar prinsip syarak demi merebut harta, pangkat atau habuan dunia.

---

23 Abu Al-Abbas Al-Qurtubi, **Al-Mufhim Li Ma Ushkila Min Talkhis Kitab Muslim**, 7/49

## Doa Meminta Perlindungan Dari 4 Jenis Kerugian

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ، وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ، وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ، وَمِنْ  
دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا .

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Zaid bin Arqam r.anhu, bahawa dia pernah mendengar Rasulullah s.a.w berdoa:

*Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu dari ilmu yang tidak bermanfaat, hati yang tidak takut, jiwa yang tidak puas-puas dan doa yang tidak dikabulkan.*

H.R Muslim

### Biografi Sahabat:

Zaid bin Arqam adalah orang yang telah membuka pekung golongan munafik di Madinah setelah peristiwa perang Bani Al-Mustaliq pada tahun ke-5 hijrah. Beliau telah terdengar konspirasi buruk Abdullah bin Ubay yang berkata kepada konco-konconya:

“Kalian hendaklah menghentikan bantuan kepada pengikut-pengikut Muhammad. Biar mereka ditimpa kemiskinan sehingga mereka semua melarikan diri dari Muhammad! Kelak, jika kita kembali ke Madinah, golongan yang mulia (pihak kita) akan dapat mengusir golongan yang hina

(sahabat Nabi) dari Madinah!”

Zaid memberitahu bapa saudaranya, lalu ia menyampaikan hal tersebut kepada Nabi s.a.w. Nabi memanggil Abdullah bin Ubay dan bertanya hal tersebut, namun beliau menafikan sekeras-kerasnya. Lalu Allah s.w.t telah menurunkan ayat 7 dan 8 dari surah Al-Munafiqun yang membenarkan cerita Zaid.

### **Pedoman Hadith:**

1. Dalam hidup ini, ada 4 jenis kerugian yang mesti kita elakkan, iaitu:
  - **Ilmu yang tidak bermanfaat** seperti ilmu yang baik tapi tidak diamalkan, ilmu yang tidak memperelokkan akhlak manusia, ilmu yang memudaratkan diri sendiri<sup>24</sup> atau orang lain<sup>25</sup> dan ilmu yang tidak diizinkan oleh syarak untuk dipelajari<sup>26</sup>.
  - **Hati yang tidak khusyuk** iaitu hati yang keras dan enggan tunduk kepada nasihat dan peringatan dari Allah. Orang yang berhati keras dijauhkan dari rahmat Allah s.w.t<sup>27</sup>.
  - **Jiwa yang tidak merasa puas** dengan apa yang ada disebabkan sifat tamak, haloba, selalu berangan dan obses terhadap dunia dan tidak

24 Seperti ilmu menilik nasib. Ia memudaratkan diri dari sudut ia mensia-siakan umur kerana ia tidak memberikan faedah kepada pelakunya atau orang-orang yang mempercayainya.

25 Seperti ilmu sihir atau apa sahaja ilmu yang disalah guna hingga mencetuskan mudarat kepada orang lain.

26 Muhammad Al-Amin Al-Harari, **Al-Kawkab Al-Wahhaj Fi Syarh Sahih Muslim bin Al-Hajjaj**, 25/123

27 Zain Ad-Din Al-Munawi, **Faidh Al-Qadir Syarh Al-Jami` As-Saghir**, 2/108

- merasa cukup dengan apa yang dimiliki.
  - **Doa yang tidak diperkenankan Allah** disebabkan terjebak dengan sumber rezeki yang haram, tidak meraikan adab-adab berdoa atau diri diselaputi dosa hingga ia menghalang diri dari pengkabulan.
2. Keempat-empat perkara tersebut boleh mencetuskan kerugian kepada agama, dunia dan akhirat seseorang. Ia juga boleh merosakkan hubungan dengan Allah dan juga manusia.
  3. Justeru, Nabi s.a.w mengajar umatnya agar mengamalkan doa ini sebagai usaha menyelamatkan diri dari terjebak dengan kerugian-kerugian tersebut.

## Doa Berlindung Dari Sikap Dan Keadaan Yang Buruk

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَالْهَرَمِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ.

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

*Daripada Zaid bin Arqam r.anhu, bahawa dia pernah mendengar Rasulullah s.a.w berdoa:*

*Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu dari kelemahan dan kemalasan, sifat pengecut dan kedekut, ditimpa nyanyuk di usia tua dan mendapat azab kubur.*

*H.R Muslim*

### Biografi Sahabat:

Anas bin Malik berkata, Zaid bin Arqam merupakan sahabat Nabi yang telah Allah benarkan dakwaannya tentang kata-kata buruk golongan munafik terhadap Rasulullah s.a.w.

Suatu hari, ketika Nabi s.a.w sedang berkhotbah, beliau terdengar seorang lelaki munafik menyindir baginda dengan berkata: "Jika lelaki ini benar, tentulah kita semua akan menjadi lebih hina dari keldai." Zaid lantas membalas: "Demi Allah, Nabi adalah insan yang benar, dan kamu pula memang lebih hina dari keldai!" Lalu Zaid memberitahu Nabi, namun lelaki munafik itu menafikannya. Maka Allah



menurun ayat 74 dari surah At-Tawbah yang membenarkan kata-kata Zaid.

### **Pedoman Hadith:**

1. Hadith ini mengajar manusia berlindung dari 3 sikap buruk dan 3 keadaan yang membahayakan diri.
2. 3 sikap yang buruk tersebut ialah:
  - a. **Sikap malas (Al-Kasl)** adalah penghalang kepada produktiviti kerana ia sering membuatkan manusia berlengah-lengah dari melakukan kebaikan. Ia berpunca dari kelemahan azam dan suka berehat berbanding berusaha. Sikap malas adalah penghalang manusia dari kejayaan di dunia dan akhirat<sup>28</sup>. Orang yang malas selalu menyia-nyiakan peluang keemasan di hadapannya dan melakukan perkara-perkara yang tidak penting hingga ia terlepas peluang melakukan perkara yang sepatutnya. Sikap malas boleh menyebabkan penyesalan.
  - b. **Sikap pengecut (Al-Jubn)** adalah cabang kepada sifat bakhil. Sifat ini dicela di sisi syarak kerana ia membuatkan pelakunya enggan mempertahankan kebenaran atau melakukan kebaikan. Orang yang pengecut juga mudah berubah pendirian dan sanggup mempertahankan kebatilan walaupun agama dan maruahnya dihina.
  - c. **Sikap kedekut (Al-Bukhl)** ialah sikap enggan mengeluarkan sedekah, zakat, nafkah atau memberi sebarang bantuan kepada orang lain disebabkan oleh sifat kedekut.

---

<sup>28</sup> Abu Sulaiman Al-Khattabi, *Sha'n Ad-Dua`*, 119

3. Sementara 3 keadaan yang buruk ialah:

- a. **Situasi lemah (Al-`Ajz)** iaitu hilang upaya untuk melakukan ketaatan atau perkara yang bermanfaat untuk dunia dan agama<sup>29</sup>. Walaupun manusia yang bersifat sedemikian tidaklah dipersalahkan, namun ia tetap merugikan kerana ia terlepas peluang yang berharga.
- b. **Nyanyuk di hujung usia** ialah kesihatan otak yang merosot dan kehilangan upaya untuk berdikari di usia tua<sup>30</sup>. Keadaan ini akan menimbulkan pelbagai masalah untuk diri dan akan membebankan orang lain. Semoga Allah memberi kesihatan yang baik kepada kita di sepanjang kehidupan.
- c. **Azab kubur** iaitu segala seksaan yang wujud di alam barzakh seperti himpitan kubur, patukan ular dan seumpamanya termasuk segala perbuatan yang menyebabkan terkena azab kubur seperti perbuatan maksiat dan dosa.

---

29 Muhammad bin Ali Al-Ithyubi, **Al-Bahr Al-Muhit Ath-Thajjaj Fi Syarh Sahih Al-Imam Muslim Bin Al-Hajjaj**, 42/358

30 Ibn Battal, **Syarh Sahih Al-Bukhari**, 5/35

## Doa Memohon Jiwa dan Hati Yang Bersih

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :  
 اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا، وَزَكِّهَا أَنْتَ خَيْرٌ مِنْ زَكَّاهَا، أَنْتَ وَلِيِّهَا وَمَوْلَاهَا.

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

*Daripada Zaid bin Arqam r.anhu, bahawa dia pernah mendengar Rasulullah s.a.w berdoa:*

*Ya Allah, berilah kepada jiwaku sifat ketaqwaan. Sucikanlah diriku, Engkaulah sebaik-baik Tuhan yang menyucikannya. Engkaulah Tuhan yang menguruskannya dan Penolongnya<sup>31</sup>.*

*H.R Muslim*

### Biografi Sahabat:

Zaid di antara sahabat Nabi yang komited menyuruh kebaikan dan menegah kemungkarannya. Beliau tidak akan teragak-agak untuk menegur kemungkarannya yang berlaku di hadapan matanya, sekali pun ia terbit dari orang yang berkuasa dan berpengaruh.

Suatu ketika, beliau terdengar salah seorang gabenor dari kerajaan Umawiyah mencaci Saidina Ali bin Abu Talib, sedangkan Saidina Ali ketika itu sudah meninggal<sup>31</sup> iaitu menolong jiwa manusia mengatasi hasutan musuhinya seperti nafsu dan syaitan serta melakukan perkara kebaikan. Lihat Muhammad Al-Amin Al-Harari, **Al-Kawkab Al-Wahhaj Fi Syarh Sahih Muslim bin Al-Hajjaj**, 25/123. Ibn Al-Malak Al-Karmani, **Syarh Masabih As-Sunnah**, 3/212

dunia. Beliau menegur pemimpin tersebut dengan berkata: "Tidakkah tuan sedar Nabi s.a.w menegah kita mencaci maki orang yang sudah mati? Kenapa tuan mencaci Ali sedangkan dia sudah pun meninggal dunia?!"

### **Pedoman Hadith:**

1. Taqwa adalah sikap yang melibatkan 2 perkara iaitu melaksanakan perintah Allah dan menjauhi segala tegahanNya.
2. Melazimi taqwa adalah perkara yang sukar. Justeru, kita perlu berdoa meminta bantuan dari Allah agar Dia mempermudah diri untuk melaksanakan tuntutan taqwa.
3. Meminta ketaqwaan dari Allah turut memberi maksud memohon perlindungan dari melakukan kesalahan dan dosa<sup>32</sup>.
4. Mensucikan diri bererti membersihkan diri dari kotoran maksiat dan bertaubat kepada Allah atas segala kesalahan.
5. Memuji Allah di dalam berdoa adalah salah satu bentuk tawassul kepadaNya melalui sifat-sifatNya yang mulia<sup>33</sup>, dan ia menjadi asbab doa mudah dikabulkan<sup>34</sup>.

32 Muhammad bin Ali Al-Ithyubi, **ibid**, 42/35

33 Abd Al-Aziz Ar-Rajhi, **Tawfiq Ar-Rabb Al-Mun`im Bi Syarh Sahih Al-Imam Muslim**, 7/552

34 Ibn Al-Qayyim Al-Jawziyyah, **Madarij As-Salikin**, 1/35

## Doa Memohon Dikekalkan Kurniaan Dan Nikmat

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ مِنْ دُعَاءِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ، وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ، وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ، وَجَمِيعِ سَخَطِكَ .

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

*Daripada Abdullah bin Umar r.anhuma katanya: "Di antara doa yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w ialah:*

*Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu dari kehilangan nikmatMu, perubahan `afiyatMu (kepada bencana), ditimpa kecelakaan atau azab yang mengejut dan mendapat kemurkaanMu.*

*H.R Muslim*

### Biografi Sahabat:

Abdullah bin Umar bin Al-Khattab bin Nufail Al-`Adawi adalah seorang sahabat Nabi yang *faqih*, ahli hadith dan berkemahiran dalam berfatwa.

Beliau dilahirkan di Mekah, setelah 2 tahun Muhammad dilantik menjadi Rasul. Beliau di antara sahabat Nabi yang banyak menghafal hadith dari Nabi s.a.w dengan jumlah 2630 buah hadith.

Selain dari terkenal sebagai seorang yang bijak, beliau memilik sifat wara' dan taqwa yang sangat tinggi. Beliau diakui sebagai sahabat Nabi yang sering mencontohi tingkah laku Nabi dalam setiap perlakuan.

Beliau meninggal dunia di Mekah ketika berusia 84 tahun.

### **Pedoman Hadith:**

1. Ini merupakan salah satu doa yang mungkin menjadi penentu kebahagiaan hidup seseorang.
2. Secara tersiratnya, Nabi s.a.w mengajarkan kita meminta 4 perkara yang penting:
  - a. Meminta dikekalkan segala nikmat yang sedang dikecapi, sama ada nikmat dunia seperti nikmat kesihatan, harta benda, anak pinak, keamanan, pencapaian hidup dan sebagainya atau nikmat beragama seperti beriman kepada Allah, beristiqamah di atas jalan agama, dipermudahkan melakukan taat, meninggalkan maksiat dan seumpamanya<sup>35</sup>.
  - b. Meminta perlindungan dari berlaku perubahan kehidupan yang menimbulkan kesukaran, sama ada dari baik kepada buruk, senang kepada melarat, lancar kepada sukar, sihat kepada sakit yang menghuru-harakan kehidupan dan sebagainya.
  - c. Meminta perlindungan dari ditimpa azab atau kecelakaan secara mengejut, tanpa sempat diberi kesedaran.
  - d. Meminta dijauhkan dari perkara-perkara yang

<sup>35</sup> Lihat Abu Abdullah Al-Ba`dani, **Fath Al-`Allam Fi Dirasah Ahadith Bulugh Al-Maram**, 10/638

menyebabkan kemurkaan Allah s.w.t.

3. Apabila Nabi s.a.w mengajarkan doa ini kepada umatnya, ia petanda baginda mahu kita terelak dari segala bencana dan kesusahan. Ini merupakan bukti kasih Nabi s.a.w kepada umatnya.

## Doa Memohon Hati Yang Cekal Untuk Melakukan Taat

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:  
اللَّهُمَّ مُصْرِفَ الْقُلُوبِ، إِصْرِفْ قُلُوبَنَا إِلَى طَاعَتِكَ.

رَوَاهُ أَحْمَدُ

*Daripada Abdullah bin `Amr r.anhuma, bahawa beliau telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda dalam doanya:*

*Ya Allah, Tuhan yang membolak-balikkan hati, bimbinglah hati-hati kami kepada ketaatanMu.*

H.R Ahmad

### Biografi Sahabat:

Abdullah bin Amru bin Al-`As As-Sahmi Al-Qurasyi merupakan anak sulung kepada sahabat Nabi, Amru bin Al-`As. Beliau dilahirkan kira-kira 27 tahun sebelum peristiwa hijrah Nabi s.a.w. Usia ayahnya ketika beliau dilahirkan ialah 20 tahun.

Di zaman jahiliyah, beliau di antara pemuda Mekah yang memiliki kemahiran menulis.

Beliau memeluk Islam terlebih dahulu dari bapanya. Setelah itu beliau berhijrah ke Madinah dan menjadi sahabat Nabi yang sangat tekun menimba ilmu dari Baginda s.a.w., beliau telah meriwayatkan sebanyak 700 buah hadith dari Nabi s.a.w.



Abdullah terkenal sebagai ahli ibadah. Beliau sentiasa tekun dalam melaksanakan ibadah sehingga Nabi pernah menegurnya agar bersikap seimbang di antara ibadah dan kehidupan dunia.

Beliau wafat pada tahun 65 hijrah ketika berusia 72 tahun.

### **Pedoman Hadith:**

1. Allah adalah Tuhan yang menguasai segala makhlukNya di seluruh alam. Tiada yang terlepas dari pemerhatian dan penguasaanNya, dari sebesar-besar makhluk hingga ke sekecil-kecilnya.
2. Dalam sebuah hadith<sup>36</sup> ada mengisyaratkan bahawa hati manusia sangat mudah mengalami perubahan. Ada ketika hati manusia cenderung kepada kebaikan, dan ada ketikanya ia cenderung kepada kejahatan. Perubahan dalaman ini tentunya memberi kesan kepada tingkah laku luaran manusia.
3. Hadith yang lain pula menyebutkan<sup>37</sup>, hati adalah raja segala anggota badan. Jika ia baik, seluruh anggota yang lain turut menjadi baik. Jika ia buruk, seluruh anggota yang lain akan terkesan dengan keburukan hati dan mudah melakukan perkara

<sup>36</sup> Iaitu hadith No. 88, **Sunan Ibn Majah:**

مَثَلُ الْقَلْبِ مَثَلُ الرَّيْشَةِ، تَقْلِبُهَا الرِّيحُ بِقَلَاةٍ.

Perumpamaan hati manusia ialah seperti bulu yang dibolak-balikkan oleh tiupan angin di padang pasir.

<sup>37</sup> Iaitu hadith No. 52, **Sahih Al-Bukhari:**

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً: إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

The background of the page is decorated with various geometric patterns, including intricate Islamic star and polygonal designs. These patterns are rendered in a light, semi-transparent grey color, creating a subtle and elegant aesthetic. The patterns are scattered across the page, with some appearing larger and more prominent than others, particularly in the upper and lower sections.

yang tidak baik.

4. Semua ini menggambarkan hati manusia mudah berubah-ubah dari masa ke semasa dan boleh memberi kesan yang besar kepada perilaku mereka.
5. Justeru, doa ini mengajar kita memohon kepada Allah diberi ketetapan hati di atas kebaikan dan ketaatan kepadaNya, agar seluruh anggota badan turut sentiasa terlibat dengan perkara-perkara yang baik dan bermanfaat.

## Doa Memohon Kebaikan Dunia Dan Akhirat Secara Borong

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، كَانَ أَكْثَرُ دُعَاءِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:  
 اللَّهُمَّ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
 رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

*Daripada Anas r.anhu katanya, doa yang sering diamalkan oleh Nabi s.a.w ialah:*

*Ya Allah wahai Tuhan kami, berikan kami di dunia ini segala kebaikan dan di akhirat nanti segala kebaikan, serta pelihara kami dari azab neraka.*

*H.R Al-Bukhari dan Muslim*

### Biografi Sahabat:

Ketika Anas bin Malik berusia 10 tahun, ibunya, Ummu Sulaim telah menyerahkan Anas kepada Nabi s.a.w untuk dijadikan pembantu peribadi yang berkhidmat kepada Nabi. Baginda dengan senang hati menerima pelawaan tersebut. Sejak itu, Anas menerima didikan secara langsung dari Nabi dan berkesempatan melihat sendiri kehidupan Nabi dengan lebih dekat. Peluang hidup bersama Nabi ini telah menjadikan Anas sahabat Nabi ketiga yang paling banyak meriwayatkan hadith setelah Abu Hurairah dan Abdullah bin Umar.

Ketika Anas bin Malik meninggal dunia, seorang

tabi`in bernama Muwarriq Al-`Ijli berkata, “hari ini telah hilanglah separuh ilmu.” Orang bertanya, “apakah maksud kamu?” Muwarriq menjawab: “Dulu, jika ada ahli bid`ah menyanggahi sesuatu hadith, kami akan berkata kepadanya, “mari kami bawakan kamu bertemu dengan insan yang pernah mendengar sendiri hadith dari Nabi s.a.w.”

### **Pedoman Hadith:**

1. Doa ini termasuk dalam kategori *al-jawami`* (yang merangkum) kerana uslub permintaannya merangkumi seluruh kebaikan di dunia dan akhirat secara borong<sup>38</sup>.
2. Nabi s.a.w sering mengamalkan doa ini kerana isinya yang ringkas namun manfaatnya padu dan meliputi seluruh kebaikan. Malah Anas bin Malik yang meriwayatkan hadith ini, selalu melazimi doa ini pada setiap kali beliau berdoa<sup>39</sup>.
3. Orang yang meminta *hasanah* di akhirat, masih boleh dicampakkan ke dalam neraka sebelum memasuki syurga disebabkan dosanya yang dominan. Justeru, permintaan di penghujung doa ini iaitu (وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ) adalah sebuah langkah hati-hati, agar *hasanah* di akhirat menjadi kebaikan yang solid tanpa perlu menjalani hukuman dalam neraka<sup>40</sup>.
4. Ini kerana, ahli syurga itu ada 2 kategori:
  - Para Rasul, Nabi dan orang-orang yang melazimi taqwa yang terus memasuki syurga.
  - Orang mukmin yang dosanya melebihi pahala. Mereka ini mungkin menjalani hukuman di

38 Lihat Abu Al-Abbas Al-Qurtubi, **Al-Mufhim Li Ma Ushkila Min Talkhis Kitab Muslim**, 7/30

39 Muslim bin Al-Hajjaj An-Naisaburi, **Sahih Muslim**, 8/68

40 Lihat Abu Al-Muzaffar Az-Zuhli Asy-Syaibani, **Al-Ifsah `An Ma`ani As-Sihah**, 5/249

dalam neraka dahulu sebelum dibenarkan masuk ke dalam syurga<sup>41</sup>.

5. Justeru, doa ini boleh menjadi asbab kita terelak menjadi golongan mukmin yang kedua, kerana azab neraka amat pedih dan mengerikan. Semoga Allah memelihara kita dari azab neraka dengan rahmatNya yang luas.

---

<sup>41</sup> Lihat Ahmad bin Ali bin Hajr Al-Asqalani, **Fath Al-Bari Syarh Sahih Al-Bukhari**, 1/226

## Doa Meminta Dijauhkan Dari Segala Jenis Kejahatan

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَعَوَّذُ مِنْ: جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَدَرْكِ الشَّقَاءِ، وَسُوءِ الْقَضَاءِ، وَشِمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ.

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ

*Daripada Abu Hurairah r.anhu katanya, Rasulullah s.a.w sering berdoa meminta perlindungan dari:*

*Bencana yang melampau, ditimpa kecelakaan, pengakhiran yang buruk dan kegembiraan musuh atas ujian yang menimpa.*

*H.R Al-Bukhari*

### Biografi Sahabat:

Abu Hurairah pernah memelihara seekor kucing. Hampir ke mana sahaja ia pergi, ia akan membawa bersamanya kucing tersebut. Sikap ini telah diperhatikan oleh Rasulullah s.a.w dan baginda menggelarnya dengan 'Abu Hurairah' (bapa kucing).

Sejak Abu Hurairah tiba di Madinah, beliau telah melazimi Rasulullah di mana sahaja baginda berada. Para sahabat lain mengkagumi Abu Hurairah kerana banyak hadith-hadith Nabi yang tidak didengari oleh golongan Muhajirin dan Ansar, telah beliau pelajari. Namun dengan rendah diri Abu Hurairah berkata:

"Rakan-rakan saya dari golongan Ansar perlu bertani di

kebun. Rakan-rakan saya dari Muhajirin pula berniaga di pasar. Sementara saya pula bersama Rasulullah dalam keadaan serba cukup. Justeru, biarlah saya hadir ke majlis ilmu Nabi di saat orang lain tidak dapat hadir serta menghafal hadith-hadith ketika orang lain tidak sempat menghafalnya.”

### Pedoman Hadith:

1. Ini juga merupakan antara doa yang bersifat *al-jawami`*, iaitu doa yang ringkas namun merangkumi pelbagai perkara yang penting<sup>42</sup>.
2. Abu Hurairah memberitahu, Nabi s.a.w sering berdoa agar dilindungi dari 4 perkara:
  - a. **جَهْدُ الْبَلَاءِ** iaitu **bencana yang melampau** yang tidak mampu ditanggung oleh manusia<sup>43</sup> sehingga menjejaskan rasional dan memberi kesan yang buruk kepada tingkah laku manusia. Sebahagian ulama menafsirkan bencana yang melampau sebagai harta yang sedikit sedangkan ramai pihak yang perlu ditanggung<sup>44</sup>.
  - b. **دَرْكُ الشَّقَاءِ** iaitu **ditimpa punca-punca kecelakaan**<sup>45</sup>, iaitu apa jua kecelakaan, sama ada berkait dengan kehidupan di dunia seperti kesempitan hidup, kesukaran mendapatkan rezeki dan sebagainya atau berkait dengan agama seperti sering terjebak dengan maksiat dan dosa atau berkait dengan akhirat seperti melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan penyesalan di hari kiamat.
  - c. **سُوءِ الْقَضَاءِ** iaitu **pengakhiran yang buruk**.

42 Lihat Ibn Battal, **Syarah Sahih Al-Bukhari**, 10/110

43 Ibn Battal, **Syarah Sahih Al-Bukhari**, 10/110

44 Ibn Battal, **Syarah Sahih Al-Bukhari**, 10/110

45 Muhammad bin Ali Al-Ithyubi, **Zakhirah Al-Uqba Fi Syarah Al-Mujtaba**, 40/38

la merangkumi kematian yang buruk atau mendapat natijah yang buruk dari segala keputusan yang dibuat atau peristiwa yang berlaku dalam kehidupan yang membabitkan diri, jodoh, harta, ahli keluarga dan sebagainya<sup>46</sup>.

d. **شِمَاتَةَ الأَعْدَاءِ** iaitu **kegembiraan musuh atas musibah yang menimpa**. Ini kerana musibah itu sendiri merupakan hal yang menyedihkan. Apabila pihak yang memusuhi kita mengetahuinya, ia akan mentertawakan kita dan ini tentunya akan menggandakan rasa sedih dan kecewa. Justeru, Rasulullah mengajarkan doa ini agar impak musibah menjadi lebih minima dan emosi menjadi lebih tenang.

3. Di sebalik doa ini, terdapat tanda kasih Nabi yang mendalam kepada umatnya.
4. Doa di atas boleh diamalkan seperti berikut:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ / إِنَّا تَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَدَرْكِ الشَّقَاءِ، وَسُوءِ  
الْقَضَاءِ، وَشِمَاتَةِ الأَعْدَاءِ.

*Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu / kami berlindung denganMu dari bencana yang melampau, ditimpa kecelakaan, pengakhiran yang buruk dan kegembiraan musuh atas ujian yang menimpa.*

5. Semoga dengan berkat mengamalkan doa ini, Allah memelihara kita dari segala bencana dan puncapuncanya.

46 Lihat Ibn Battal, **Syarh Sahih Al-Bukhari**, 10/110



## Doa Meminta Dilindungi Dari Kejahatan Diri Sendiri

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ، كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ فِي دُعَائِهِ:  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا عَمِلْتُ، وَمِنْ شَرِّ مَا لَمْ أَعْمَلْ.

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

*Daripada Aisyah r.anha katanya, Rasulullah s.a.w selalu berkata di dalam doanya:*

*“Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu dari akibat buruk perbuatan yang telah aku lakukan, dan dari akibat buruk perbuatan yang aku tinggalkan.”*

*H.R Muslim*

### Biografi Sahabat:

Nama penuh ibu orang-orang beriman ini ialah `Aisyah binti Abdullah bin Uthman bin `Amir At-Taimi. Ibunya bernama Zainab binti `Amir, lebih dikenali dengan gelaran Ummu Ruman. `Aisyah mempunyai seorang saudara kandung lelaki yang bernama Abdul Rahman, seorang saudara lelaki seibu yang bernama At-Tufail dan dua orang saudara seapa iaitu Asma' dan Abdullah.

`Aisyah merupakan satu satunya wanita yang dikahwini Nabi s.a.w ketika gadis. Usia beliau ketika dikahwini Nabi ialah 6 atau 7 tahun. Namun, beliau mula tinggal bersama Nabi ketika berusia 9 tahun.


`Aisyah pernah menjadi mangsa tuduhan palsu yang direka oleh kelompok munafik Madinah sejurus pulang dari sebuah peperangan. Peristiwa tersebut dikenali dengan *Hadithah Al-Ifk*. Kemudian Allah telah membersihkan namanya dari tuduhan jahat tersebut melalui beberapa ayat dari surah An-Nur.

`Aisyah wafat pada bulan Ramadan tahun 58 hijrah di era pemerintahan Muawiyah bin Abu Sufyan. Usianya ketika itu sekitar 67 tahun. Beliau dikebumikan di tanah perkuburan Al Baqi`.

### **Pedoman Hadith:**

1. Manusia adalah makhluk yang serba kekurangan. Mereka tidak tahu secara pasti perkara yang akan berlaku di masa akan datang.
2. Apabila manusia melakukan sesuatu perkara atau meninggalkannya, mereka sendiri tidak tahu secara pasti akibat dari keputusan tersebut.
3. Boleh jadi mereka melakukan sesuatu perkara dengan tujuan yang baik, tapi hakikatnya ia akan mencetuskan pelbagai akibat buruk<sup>47</sup>.
4. Atau mereka meninggalkan sesuatu perbuatan kerana merasakan itulah yang terbaik, namun ia sebenarnya hanya akan menimbulkan masalah.
5. Justeru, hadith ini mengajarkan kita meminta perlindungan Allah dari segala keburukan yang bakal timbul, sama ada dari perkara yang kita lakukan atau perkara yang kita tinggalkan.
6. Allah adalah Tuhan yang Maha Mengetahui dan Maha Melindungi. Mengamalkan doa ini dapat

47 Ahmad bin Husain Ar-Ramli Asy-Syafi`iy, **Syarh Sunan Abi Daud**, 7/402



menyelamatkan kita dari keburukan yang berpunca dari keputusan kita sendiri, sama ada keburukan tersebut berlaku di dunia atau di akhirat.

## Doa Meminta Bimbingan Allah Dalam Situasi Bingung dan Berecelaru

رُوي عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ :  
اللَّهُمَّ رَبَّ جِبْرَائِيلَ وَمِيكَائِيلَ وَإِسْرَافِيلَ، فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ  
وَالشَّهَادَةِ، أَنْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ. اهْدِنِي لِمَا اخْتَلَفَ فِيهِ مِنَ  
الْحَقِّ بِإِذْنِكَ، إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

*Diriwayatkan dari Aisyah r.anha, bahawa Nabi s.a.w sering berdoa:*

*Ya Allah, Tuhan kepada Jibrail, Mikail dan Israfil, Tuhan yang menciptakan segala langit dan bumi, Tuhan yang mengetahui segala perkara ghaib dan nyata. Engkaulah yang membuat keputusan (di akhirat kelak) pada perkara yang diperselisihkan oleh hamba-hambaMu. Tunjukkan kepadaku kebenaran dari isu yang dipertelingkahkan, dengan kurniaanMu. Sesungguhnya Engkaulah yang memberi petunjuk kepada sesiapa yang Engkau kehendaki ke jalan yang benar.*

*H.R Muslim*

### Biografi Sahabat:

Aisyah merupakan di antara sahabiyat yang memiliki kefahaman agama dan ilmu yang tinggi. Beliau menghafal lebih dari 3000 buah hadith dan sering menjadi rujukan para sahabat yang lain jika mereka kebuntuan. Abu Musa

Al-Ash`ari berkata, “jika ada para sahabat Nabi buntu untuk memahami sesuatu hadith, kami akan mendapatkan jawabannya dari Aisyah.”

Aisyah juga merupakan sahabiyat yang sering menjadi rujukan fatwa dan hukum-hakam syarak di era Khulafa Rasyidin. Para ulama menyenaraikan Aisyah di kalangan *Fuqaha` As-Sahabah* (ilmuwan sahabat). Masruq berkata, “aku pernah melihat berapa orang sahabat Nabi yang telah berusia bertanyakan hukum-hakam Faraidh dari Aisyah.”

Selain dari ilmu yang tinggi, Aisyah juga memiliki kepetahan dalam pengucapan awam. Al-Ahnaf bin Qais berkata, “aku pernah mendengar ucapan Abu Bakr As-Siddiq, Umar bin Al-Khattab, Uthman bin Affan, Ali bin Abu Talib dan ramai lagi. Namun aku tidak pernah mendengar ucapan yang lebih fasih dan petah seperti Aisyah.”

### **Pedoman Doa:**

1. Ada ketikanya, manusia mengalami kebuntuan dalam memahami sesuatu isu-isu yang melingkari kehidupan.
2. Selain dari terus menyiasat dan membuat tinjauan (survey), kita hendaklah berdoa kepada Allah meminta bimbinganNya untuk memahami sesuatu isu dengan betul.
3. Allah Maha Mengetahui apa yang ternyata dan apa yang tersembunyi. Di akhirat kelak, Dialah jua yang akan menentukan kebenaran dan kebatilan di hadapan pihak-pihak yang bertelingkah sewaktu di dunia dahulu.
4. Secara asalnya, doa ini diamalkan oleh Nabi s.a.w sebagai doa *iftitah* di dalam solat sunatnya di

pertengahan malam<sup>48</sup>. Namun dari sudut maknanya yang umum, ia boleh diamalkan dalam situasi bercelaru dan kebingungan untuk memahami sesuatu isu atau ketika hendak membuat keputusan<sup>49</sup>.

5. Perkataan petunjuk di dalam doa ini bukan bermaksud petunjuk yang membezakan di antara iman dan kufur, tetapi ia bermaksud memahami ajaran Islam<sup>50</sup> dalam sesuatu isu yang berbangkit.
6. Pelbagai isu dan polemik berlaku setiap hari. Ia melibatkan akidah, hukum syarak, sosial, politik, isu semasa antarabangsa, tempatan dan pelbagai lagi. Ada ketikanya, kebenarannya mudah dikenalpasti. Namun di waktu yang lain, ia benar-benar mengelirukan. Justeru, sentiasalah berdoa kepada Allah agar diberi bimbingan kepada kefahaman yang benar dan maklumat yang tulen.

48 Mahmud Muhammad Khattab As-Subki, **Al-Manhal Al-`Azb Al-Mawrud Syarh Sunan Al-Imam Abi Dawud**, 5/177

49 Lihat Portal Al-Alukah, *Artikel Husn Al-Intibah Fi `Ilaj Al-Hairah Wa Al-Isytibah*,

<https://www.alukah.net/social/0/7716/%D8%AD%D8%B3%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%86%D8%AA%D8%A8%D8%A7%D9%87-%D9%81%D9%8A-%D8%B9%D9%84%D8%A7%D8%AC-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D9%8A%D8%B1%D8%A9-%D9%88%D8%A7%D9%84%D8%A7%D8%B4%D8%AA%D8%A8%D8%A7%D9%87/#17>, diakses pada 8 Jun 202

50 Ibn Hajar Al-Haitami, **Al-Fath Al-Mubin Bi Syarh Al-Arba`in**, 420

## Doa Meminta Perlindungan Ketika Keluar Dari Rumah

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ، مَا خَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ بَيْتِي قَطُّ إِلَّا رَفَعَ طَرْفَهُ إِلَى السَّمَاءِ وَقَالَ:  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَضِلَّ أَوْ أُضَلَّ، أَوْ أَزِلَّ أَوْ أُزَلَ، أَوْ أَظْلِمَ أَوْ أُظْلَمَ، أَوْ أَجْهَلَ أَوْ يُجْهَلَ عَلَيَّ.

رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ

*Daripada Ummu Salamah r.anha katanya, Nabi s.a.w tidak pernah keluar dari rumahku melainkan ia akan mendongak ke arah langit sambil berdoa:*

*Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan Engkau dari memperdayakan orang atau diperdaya orang, dari melakukan kesalahan secara tidak sengaja atau menjadi mangsa kesilapan orang secara tidak sengaja<sup>51</sup>, dari menzalimi orang lain atau dizalimi oleh orang lain atau dari bersikap jahil terhadap hak orang atau menjadi mangsa perlakuan jahil orang lain.*

*H.R Abu Daud*

### Biografi Sahabat:

Nama sebenar Ummu Salamah ialah Hindun binti Abu Umayyah Al-Makhzumiah. Beliau merupakan salah seorang *Ummahatul Mukminin* (ibu seluruh orang-orang beriman). Beliau antara wanita yang terawal memeluk Islam bersama

<sup>51</sup> Lihat Al-Mulla Ali Al-Qari, **Mirqat Al-Mafatih**, 4/1694

suaminya, Abu Salamah bin Abd Al-Asad.

Selepas kewafatan suaminya, Ummu Salamah berkahwin dengan Nabi s.a.w di Madinah. Beliau pernah beberapa kali menyertai peperangan. Di antara peristiwa masyhur yang dikaitkan dengan beliau ialah Nabi s.a.w telah menerima cadangan Ummu Salamah agar Baginda terlebih dahulu mencukur kepalanya sebagai *tahallul* dari ihram di saat para sahabat ketika itu tidak mengendahkan arahan Nabi kerana mereka masih terkejut dengan beberapa keputusan di luar jangkaan dalam peristiwa Perjanjian Hudaibiyah.

Ummu Salamah telah meriwayatkan 378 buah hadith dan turut menjadi rujukan para sahabat dalam persoalan hukum-hakam. Beliau merupakan isteri Nabi yang terakhir meninggal dunia, iaitu pada tahun 59 hijrah dan dikebumikan di Al-Baqi'.

### **Pedoman Doa:**

1. Manusia adalah makhluk sosial. Setiap hari, mereka akan berinteraksi dengan pelbagai pihak terutamanya ketika berada di luar rumah.
2. Situasi ini tentunya akan mendedahkan mereka dengan pelbagai ragam manusia. Ada yang menggemirakan, ada yang menguji kesabaran. Ada yang memang disengajakan, ada yang disebabkan kesilapan.
3. Bagi melancarkan aktiviti sosial, Nabi s.a.w mengajar kita agar meminta penjagaan Allah dari 4 perkara yang sering berlaku ketika aktiviti bersosial berlangsung, iaitu:
  - a. Memesongkan orang lain dari kebenaran atau menjadi mangsa penyesatan orang lain.



- b. Melakukan kesilapan terhadap orang lain secara tidak sengaja atau menjadi mangsa kesilapan orang lain secara tidak sengaja<sup>52</sup>.
  - c. Menganiaya orang lain atau menjadi mangsa aniaya penzalim.
  - d. Berkelakuan seperti orang jahil seperti mencetus gangguan dan kekacauan atau menjadi mangsa orang lain yang berkelakuan seperti orang jahil.
4. Keburukan dan kejahatan, tidak sekadar datang dari orang lain, tapi ia boleh ditimbulkan oleh diri sendiri, sama ada secara sengaja atau disebabkan oleh kecuaiian.
  5. Dengan doa ini kita meminta perlindungan Allah dari melakukan sebarang penganiayaan kepada manusia atau menjadi mangsa penganiayaan orang lain, sama ada ketika dalam perjalanan pergi dan pulang, ketika melakukan pertemuan, perbincangan, berjual beli atau sebagainya.
  6. Nabi s.a.w memandang ke arah langit ketika berdoa kerana langit adalah kiblat doa<sup>53</sup> dan darinya turun rahmat dan kurnia Allah s.w.t.

<sup>52</sup> Al-Mulla Ali Al-Qari Al-Harawi, **Mirqat Al-Mafatih Syarh Misykat Al-Masabih**, 4/1694

<sup>53</sup> Ibn Ruslan, **Syarh Sunan Abi Dawud**, 19/341

## Doa Ketika Hendak Bermusafir

عَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا اسْتَوَى عَلَى بَعِيرِهِ خَارِجًا إِلَى سَفَرٍ، كَبَّرَ ثَلَاثًا، ثُمَّ قَالَ:

سُبْحَانَ الَّذِي سَحَّرَ لَنَا هَذَا، وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ<sup>54</sup>.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي سَفَرِنَا هَذَا الْبِرَّ وَالتَّقْوَى، وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَى. اللَّهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا سَفَرَنَا هَذَا، وَاطْوِ عَنَّا بُعْدَهُ. اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ، وَالْخَلِيفَةُ فِي الْأَهْلِ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ وَعَثَاءِ السَّفَرِ، وَكَآبَةِ الْمُنْظَرِ، وَسُوءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ.

وَإِذَا رَجَعَ فَالْهَيْئَ، وَزَادَ فِيهِنَّ: آيُونَ، تَائِبُونَ، عَابِدُونَ، لِرَبِّنَا حَامِدُونَ.

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

*Daripada Abdullah bin Umar r.anhuma katanya, "Rasulullah s.a.w seringkali apabila sudah duduk di atas untanya untuk memulakan perjalanan, baginda akan bertakbir 3 kali. Kemudian beliau berdoa:*

*"Maha suci Tuhan yang telah menundukkan kenderaan ini untuk kami, sedangkan kami tidak mampu melakukannya. Dan sesungguhnya kepada Tuhan jua kami akan kembali.*

*Ya Allah, kami memohon kepadaMu kebaktian dan ketakwaan dalam perjalanan ini, dan amalan yang Engkau redhai. Ya Allah, ringankanlah perjalanan kami ini dan dekatkanlah jaraknya. Ya Allah, Engkaulah Peneman dalam perjalanan dan Penjaga keluarga (yang ditinggalkan). Ya Allah aku berlingung denganMu dari kesulitan perjalanan, pandangan yang menghibakan dan*

*perubahan<sup>55</sup> yang buruk kepada harta dan ahli keluarga.”*

*Apabila Nabi pulang, baginda akan membaca doa ini, dan menambahkan dihujungnya: “Kami pulang (dengan selamat)<sup>56</sup>, sebagai manusia yang bertaubat, yang tunduk patuh (kepada Allah) dan kepada Tuhan kami persembahkan pujian.”*

*H.R Muslim*

### **Biografi Sahabat:**

Ibn Umar merupakan sahabat Nabi yang sangat mengambil berat dengan ilmu dan segala perbuatan yang Nabi lakukan. Jika beliau tidak dapat hadir ke majlis ilmu, beliau akan bertanya sahabat yang hadir. Malah, beliau juga akan bertanya pengalaman para sahabat yang lebih senior tentang tingkah laku Nabi s.a.w.

Di antara keunikan Ibn Umar ialah beliau suka meniru semua perbuatan Nabi sekalipun Nabi tidak pernah menyuruhnya. Di mana sahaja tempat Nabi pernah bersolat, beliau akan bersolat di situ. Ketika melaksanakan haji, beliau akan berhenti, berdiri dan duduk di lokasi-lokasi yang pernah Nabi berhenti, berdiri dan duduk. Malah, ada sebatang pokok yang Nabi pernah berteduh di bawahnya. Setelah kewafatan baginda, Abdulullah menjaga dan menyiram pokok tersebut agar beliau dapat berteduh di bawahnya seperti yang Nabi lakukan ketika hayatnya.

Aisyah berkata, “aku tidak pernah melihat manusia yang begitu komited dengan segala yang pernah Nabi lakukan seperti Abdullah bin Umar.”

<sup>55</sup> Lihat Abu Al-Abbas Al-Qurtubi, **Al-Mufhim Li Ma Ushkila Min Talkhis Kitab Muslim**, 3/454

<sup>56</sup> Ibid

## Pedoman Doa:

1. Hadith ini menjelaskan, apabila Rasulullah s.a.w mahu bermusafir, baginda akan memulakan perjalanan dengan menyebutkan lafaz yang membesarkan Allah<sup>57</sup> (takbir) 3 kali. Kemudian baginda berdoa memohon kesejahteraan dalam perjalanan dan keselamatan untuk keluarga dan harta benda yang ditinggalkan.
2. Doa yang sama turut dibaca oleh Nabi ketika bertolak pulang. Malah, Nabi menambah kata-kata berunsur syukur, taubat, tawaduk dan pujian kepada Allah ketika hampir tiba ke destinasi pulang serta mengulang-ulangnya hingga selamat tiba<sup>58</sup>.
3. Hikmah melafazkan takbir 3 kali di awal doa ini ialah untuk meredakan rasa bimbang terhadap:
  - a. Unsur bahaya dalam perjalanan yang bakal ditempuhi.
  - b. Keselamatan keluarga dan harta yang ditinggalkan.
4. Lafaz takbir juga boleh meningkatkan unsur tawakkal kepada Allah. Dengan melafazkan takbir, ia memberi isyarat kepada diri betapa Allah lebih agung dan Maha berkuasa untuk menguruskan segala perkara yang dibimbangkan<sup>59</sup>.
5. Dengan mengamalkan doa ini, bukan sekadar orang yang musafir sahaja mendapat pemeliharaan Allah, malah keluarga dan harta benda yang ditinggalkan juga didoakan semoga sentiasa sejahtera dari sebarang bahaya.

<sup>57</sup> Kalimah 'besar' di sini bukan bermaksud saiz atau bentuk, tetapi ia merujuk kepada keagungan Allah s.w.t

<sup>58</sup> Lihat Muhammad bin Ismail Al-Bukhari, **Sahih Al-Bukhari**, hadith no. 2919

<sup>59</sup> Lihat Abu Al-Muzaffar Az-Zuhli Asy-Syaibani, **Al-Ifsah `An Ma`ani As-Sihah**, 4/282 - 283

## Doa Ketika Singgah Di Suatu Tempat

عَنْ حَوَّلَةَ بِنْتِ حَكِيمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ، سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:

مَنْ تَزَلَ مَنْزِلًا فَقَالَ: أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ سَرِّ مَا خَلَقَ، لَمْ يَصْرُءْ فِيهِ شَيْءٌ حَتَّى يَرْتَحِلَ مِنْهُ.

رَوَاهُ أَحْمَدُ

*Daripada Khawlah binti Hakim r.anha katanya, aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:*

*Sesiapa yang singgah di sesuatu tempat lalu berkata: “Aku berlingung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari seluruh kejahatan yang Dia ciptakan”, ia tidak akan dimudaratkan oleh sesuatu apa pun hingga ia beredar dari tempat tersebut.*

*H.R Ahmad*

### Biografi Sahabat:

Khawlah binti Hakim As-Sullamiah adalah isteri kepada Uthman bin Maz`un. Kuniyah beliau ialah Ummu Syarik. Beliau berasal dari Mekah dan berpindah ke Madinah ketika peristiwa hijrah. Khawlah merupakan sahabiyat yang telah disebutkan oleh Allah sebagai wanita ‘mukminah’ di dalam ayat 50 surah Al-Ahzab, dalam peristiwa ketika beliau pernah mencadangkan kepada Nabi agar mengahwininya

tanpa sebarang mahar, namun Nabi s.a.w menolaknya dengan baik. Hal ini berlaku setelah suaminya meninggal dunia.

### **Pedoman Doa:**

1. Manusia sering singgah di pelbagai tempat ketika pergi ke sesuatu destinasi. Mereka singgah di kedai, hotel, surau, bilik air awam, rumah kawan, bawah teduhan dan sebagainya dengan tujuan merehatkan diri atau menguruskan keperluan tertentu.
2. Namun malang itu tidak berbau. Ada ketikanya, tempat singgahan yang zahirnya kelihatan selamat, mungkin boleh mencetuskan bahaya atau kecelakaan kepada manusia.
3. Justeru Nabi s.a.w mengajarkan kita berdoa meminta perlindungan kepada Allah dari segala bahaya di tempat persinggahan.
4. Hadith ini turut menolak cara orang di zaman jahiliyah yang berkata ketika singgah di sesuatu tempat: "Aku berlindung dengan tuan tempat ini..." iaitu merujuk ketua jin yang mendiami tempat persinggahan tersebut<sup>60</sup>.
5. Hakikatnya, jin juga adalah makhluk seperti kita. Mereka sendiri tidak mampu melindungi diri sendiri, apatah lagi melindungi orang lain.
6. Nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah *qadim*<sup>61</sup> dan maha sempurna<sup>62</sup>. Meminta perlindungan dengan nama dan sifat Allah hakikatnya adalah meminta perlindungan dari Allah jua.

<sup>60</sup> Al-Mulla Ali Al-Qari, **Mirqat Al-Mafatih Syarh Misykat Al-Masabih**, 4/1682

<sup>61</sup> Qadim bagi nama dan sifat Allah bermaksud tiada permulaan bagi zat Allah dan sifatNya. Ia sudah sedia ada secara sempurna sejak azali.

<sup>62</sup> Lihat Syaraf Ad-Din At-Tibi, **Al-Kasyif An Haqaiq As-Sunan**, 6/1894

Justify

## Doa Berlindung Dari Mudarat Hujan

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَلَكَتِ الْأَمْوَالُ! وَانْقَطَعَتِ السُّبُلُ! فَادْعُ اللَّهَ يُمَسِّكْهَا! فَرَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَيْهِ، ثُمَّ قَالَ:

اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا، اللَّهُمَّ عَلَى الْأَكَامِ وَالْجِبَالِ، وَالْأَجَامِ وَالظَّرَابِ، وَالْأَوْدِيَةِ وَمَنَابِتِ الشَّجَرِ.

فَجَعَلَ السَّحَابُ يَتَصَدَّعُ عَنِ الْمَدِينَةِ يَمِينًا وَشِمَالًا، يُمَطِّرُ مَا حَوَالَيْنَا وَلَا يُمَطِّرُ مِنْهَا شَيْئًا. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ

*Daripada Anas bin Malik r.anhu katanya, ada seorang lelaki mengadu kepada Nabi s.a.w ketika baginda di atas mimbar:*

*Wahai Rasulullah, harta benda telah binasa! Jalan-jalan sudah terputus! Berdoalah kepada Allah agar Dia menghentikan hujan. Lalu Rasulullah s.a.w mengangkat kedua tangannya dan berdoa: "Ya Allah, turunkan hujan di sekitar kami, bukan di atas kami. Ya Allah, turunkan hujan di kawasan tanah tinggi dan bukit-bukau, kawasan hutan dan kawasan berbatu, kawasan lembah dan tempat tumbuh pokok."*

*Lalu awan mula berpecah dari udara Madinah menuju ke arah kanan dan ke kiri. Hujan turun mencurah di luar kawasan dan tidak lagi turun ke atas kami.*

*H.R Al-Bukhari*

## **Biografi Sahabat:**

Anas bin Malik di antara sahabat Nabi yang beruntung kerana 3 perkara. Pertama, beliau berkesempatan berkhidmat kepada Nabi s.a.w selama lebih kurang 10 tahun. Kedua, beliau berpeluang melihat sendiri kehidupan Nabi secara dekat, sehinggakan beliau tahu doa-doa kegemaran Nabi. Ketiga, beliau pernah didoakan oleh Nabi s.a.w sehingga ia memberi kesan yang baik kepada kehidupan beliau.


Ketika Anas diserahkan ibunya untuk berkhidmat kepada Nabi, Nabi s.a.w telah mendoakan Anas: “Ya Allah, banyakkannya harta dan anaknya, serta berkatilah segala perkara yang Engkau berikan kepadanya.”

Berkat doa tersebut, Anas diberikan usia melebihi 100 tahun, menjadi orang Ansar yang paling kaya dan dikurniakan lebih 100 orang anak.

## **Pedoman Doa:**

1. Hujan merupakan salah satu dari nikmat Allah s.w.t. Ia berfungsi menyuburkan tanah dan mewujudkan sumber air, sekaligus memberikan kehidupan di bumi.
2. Namun, hujan boleh bertukar menjadi bencana apabila ia turun lebih dari kadar yang sepatutnya. Ia akan menyebabkan banjir, kerosakan harta benda dan tanah runtuh. Malah ia boleh menyebabkan kehilangan nyawa.
3. Dalam hal ini, Nabi s.a.w tidak mengajar kita berdoa menghentikan hujan. Sebaliknya kita diajar berdoa meminta dialihkan hujan ke kawasan lain, agar air hujan tersebut di'simpan' di dalam sumber-sumber air seperti sungai, telaga, air mata air dan hutan





tadahan air agar ia dapat memberi manfaat kepada hidupan dalam jangka panjang.

4. Dengan situasi negara Malaysia yang sering dilanda banjir disebabkan hujan yang lebat kebelakangan ini, kita disarankan memperbanyakkan doa ini ketika hujan turun dalam tempoh yang lama. Semoga Allah mengkabulkan doa kita dan mengelakkan negara dari mengalami kerugian harta benda disebabkan oleh banjir.

## Doa Merawat Penyakit Sendiri

عَنْ عُمَانَ بْنِ أَبِي الْعَاصِ التَّمَفِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّهُ شَكَأَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجَعًا يَجِدُهُ فِي جَسَدِهِ مُنْذُ أَسْلَمَ. فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ضَعْ يَدَكَ عَلَى الَّذِي تَأَلَّمَ مِنْ جَسَدِكَ، وَقُلْ بِاسْمِ اللَّهِ ثَلَاثًا، وَقُلْ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَحْدُ وَأَحَادِرُ.

رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Daripada Uthman bin Abi Al-`As Ath-Thaqafi r.anhu, beliau telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w akan kesakitan pada badannya semenjak ia memeluk agama Islam. Lalu Rasulullah s.a.w berkata :

“Letakkan tapak tangan kamu di atas bahagian badan yang sakit dan bacalah: ‘Dengan nama Allah’ sebanyak 3 kali. Kemudian bacalah 7 kali: “Aku berlindung dengan Allah dan kekuasaanNya dari kemudaratan penyakit yang sedang aku alami dan aku bimbangi.”

H.R Muslim

وَجَاءَ فِي رِوَايَةِ أَبِي دَاوُدَ: فَأَذْهَبَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ مَا كَانَ بِي، فَلَمْ أَزَلْ أَمُرُ بِهِ أَهْلِي وَغَيْرَهُمْ.

Di dalam riwayat Abu Daud menyebutkan: “Lalu Allah menghilangkan penyakitku. Dan sejak itu aku sering mengajarkan doa tersebut kepada keluargaku dan orang lain.”

## Biografi Sahabat:

Uthman bin Abi Al-`As bin Bishr bin `Abd Ath-Thaqafi berasal dari Taif. Beliau datang bersama delegasi Thaqif bertemu Nabi dan memeluk Islam. Ketika itu beliau berusia 27 tahun dan **menjadi** orang termuda dalam kelompok tersebut.


*merupakan*

Baginda Nabi melantik beliau menjadi pegawai di Taif. Beliau menyandang jawatan tersebut sehingga era pemerintahan Abu Bakr dan dua tahun di era Umar. Beliau juga pernah ditugaskan ke Oman dan Bahrain. Kemudian beliau berpindah ke Basrah dan meninggal dunia di sana di zaman pemerintahan Muawiyah bin Abi Sufyan.

Di antara jasa besar beliau ialah menyelamatkan orang Islam Taif dari murtad selepas kewafatan Nabi s.a.w. Beliau telah menghalang mereka dengan sebuah ucapan yang benar-benar menyentak emosi. Kata beliau: "Wahai kaum Thaqif, kalian adalah kelompok terakhir yang memeluk Islam ketika Nabi hidup. Maka janganlah pula kalian menjadi kelompok terawal yang keluar dari agama Islam selepas Nabi wafat!"

## Pedoman Hadith:

1. Merawat penyakit boleh dilakukan dengan pelbagai cara. Selain berikhtiar dengan ubat, pesakit juga hendaklah berdoa kepada Allah memohon kesembuhan dariNya kerana Allah adalah Tuhan yang Maha Penyembuh.
2. Hadith ini mengajar manusia tentang rawatan kecemasan ke atas anggota badan yang sakit. Sementara menanti rawatan lanjut, pesakit boleh meletakkan tangannya di atas anggota berkenaan dan membacakan doa tersebut.

- 
- The background of the page is decorated with intricate, light-colored geometric patterns, including star shapes and interlocking lines, set against a soft, textured grey background. The patterns are scattered across the page, with some larger ones in the lower half and smaller ones in the upper half.
3. Setelah tangan diletakkan di atas tempat yang sakit, pesakit perlu membaca doa tersebut mengikut bilangan yang diajarkan dengan penuh rasa yakin dan optimis kepada Allah s.w.t.
  4. Allah yang menurunkan penyakit. Dia jualah yang berkuasa menyembuhkan dan menghilangkan penyakit.
  5. Hadith ini turut mengajak kita berkongsi tips dan idea yang bermanfaat dengan orang lain agar orang lain beroleh kebaikan dan kita pula beroleh pahala berkongsi ilmu.

## Mendoakan Kesembuhan Untuk Orang Yang Sakit

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:  
مَا مِنْ عَبْدٍ مُسْلِمٍ يَعُودُ مَرِيضًا لَمْ يَخْضُرْ أَجَلَهُ، فَيَقُولُ سَبْعَ مَرَّاتٍ:  
أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيكَ، إِلَّا عُوفِيَ.

رَوَاهُ أَحْمَدُ

*Daripada Abdullah bin Abbas r.anhuma, dari Nabi s.a.w sabdanya:*

*Mana-mana hamba Allah yang muslim, yang pergi melawat orang sakit yang belum ditakdirkan ajalnya, lalu membaca doa berikut sebanyak 7 kali:*

*Aku memohon kepada Allah yang Maha Agung, Tuhan Pemilik Arash yang agung, agar Dia menyembuhkan engkau, nescaya ia akan diberi kesembuhan.*

*H.R Ahmad*

### Biografi Sahabat:

Abdullah bin Abbas bin Abdul Muttalib merupakan sepupu Nabi s.a.w merangkap anak saudara kepada isteri Nabi, Maimunah binti Al-Harith. Beliau dilahirkan di Mekah, 3 tahun sebelum peristiwa hijrah ke Madinah.

Abdullah termasuk di kalangan perawi hadith yang

utama, di mana beliau mengumpulkan sebanyak 1660 buah hadith. Beliau digelar sebagai ilmunan umat disebabkan keilmuan dan penguasaan beliau dalam ilmu tafsir, hadith, hukum-hakam, sirah, sejarah keturunan Arab dan kesusasteraan Arab.

Dalam usia yang muda, Abdullah bin Abbas pernah menjadi penasihat kepada Khalifah Umar bin Al-Khattab. Di zaman pemerintahan Saidina Ali, beliau telah menjadi gabenor di Basrah serta dilantik sebagai perunding mewakili kerajaan dalam peristiwa pemberontakan golongan Khawarij.

Beliau wafat pada tahun 68 hijrah di Taif ketika berusia 71 tahun. Jenazah beliau telah disolatkan oleh orang ramai dengan diimamkan oleh Muhammad bin Al-Hanafiah.

### **Pedoman Hadith:**

1. Di antara adab ketika menziarahi orang sakit ialah mendoakan kesembuhan untuknya.
2. Mendoakan pesakit boleh memberikan harapan dan ketenangan kepada pesakit, di samping mendapatkan kesembuhan dari Tuhan yang Maha Penyembuh.
3. Doa ini juga boleh diamalkan ketika menguruskan suami, isteri, anak-anak atau ahli keluarga yang ditimpa sakit. Kita boleh membacanya dengan bilangan yang telah ditetapkan.
4. Sebagai manusia, kita hanya berusaha dan berdoa kepada Allah. Hanya Dia sahaja yang memberikan kesembuhan penyakit. Kesembuhan boleh berlaku sama ada sejurus selepas berdoa atau beberapa ketika selepas berdoa<sup>63</sup>.

<sup>63</sup> Ahmad bin Husain Ar-Ramli Asy-Syafi`iy, **Syarah Sunan Abi Daud**,

5. Kesembuhan penyakit akan berlaku jika pesakit belum ditakdirkan ajalnya. Namun, jika ajal sudah ditakdirkan, keberkatan dari doa ini mungkin boleh memudahkan urusan kematian si pesakit<sup>64</sup>, dengan izin Allah.

## Doa Meminta Perlindungan Dari Ditimpa Bencana

عَنْ عُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ:  
مَنْ قَالَ: بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَمْ تَفْجَأْهُ فَاجِئَةٌ بَلَاءٍ حَتَّى اللَّيْلِ. وَمَنْ قَالَهَا حِينَ يُمَسِّي، لَمْ  
تَفْجَأْهُ فَاجِئَةٌ بَلَاءٍ حَتَّى يُصْبِحَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

رَوَاهُ أَحْمَدُ

*Daripada Uthman r.anhu, bahawa Nabi s.a.w bersabda:*

*Sesiapa yang berkata: "Dengan nama Allah, yang dengan namaNya tidak ada sesuatu di bumi dan di langit dapat menimbulkan mudarat, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui" 3 kali, ia tidak akan ditimpa bencana mengejut hingga waktu malam. Dan sesiapa yang membacanya di waktu malam, ia tidak akan ditimpa bencana mengejut hingga esok pagi, insya Allah.*

*H.R Ahmad*

### Biografi Sahabat:

Uthman bin Affan turut dikenali dengan kunyah Abu Abdullah. Beliau merupakan khalifah yang ketiga, salah seorang dari sepuluh sahabat Nabi yang dijamin syurga, antara individu terawal memeluk Islam dan digelar sebagai *Zu An-Nurain* (yang mempunyai 2 cahaya) kerana beliau berkahwin dengan dua orang puteri Baginda s.a.w, iaitu



Ruqayyah dan Ummu Kulthum.

Beliau pernah menyertai dua peristiwa hijrah. Hijrah pertama ketika menuju ke Habsyah dan hijrah kedua ketika menuju Madinah. Setelah kewafatan Saidina Umar, beliau telah dilantik menjadi khalifah Islam yang ketiga pada tahun 23 hijrah. Beliau memegang tampuk pemerintahan selama 12 tahun.

Di antara jasa terbesar beliau ialah melakukan pengumpulan dan penyalinan mushaf Al-Quran. Sebanyak 6 naskhah mushaf telah disalin dan 5 darinya telah dihantar ke negara-negara Islam berhampiran untuk rujukan umat. Mushaf-mushaf tersebut disalin menurut kaedah *Rasm Uthmani*.

Di hujung pemerintahan, beliau telah menghadapi kelompok pemberontak hingga berakhir dengan beliau gugur syahid dibunuh oleh mereka. Peristiwa tragis ini berlaku pada hari Jumaat, 12 Zulhijjah, tahun 35 hijrah. Ketika itu beliau berusia 82 tahun. Jenazah beliau kemudiannya dikebumikan di Al-Baqi`.

### **Pedoman Hadith:**

1. Dunia adalah pentas kehidupan yang bercampur aduk di antara suka dan duka kerana kesenangan dan kesusahan bertandang silih berganti menyapa manusia.
2. Perkataan *syai`un* (sesuatu) di dalam doa ini ialah merujuk kepada segala perkara yang mendatangkan mudarat, sama ada ia turun dari langit dan berlaku di bumi, sama ada kita mengetahui benda tersebut atau tidak pernah mengetahuinya.
3. Justeru, Nabi s.a.w mengajar kita serangkap doa

perlindungan yang ringkas dan mudah diingati. Ia sunat dibaca 3 kali di waktu siang dan 3 kali di waktu malam.

4. Hadith ini menunjukkan, segala jenis kejahatan di bumi dan di langit tidak akan dapat memberikan sebarang mudarat kepada manusia yang berdoa dengan iringan nama Allah yang agung<sup>65</sup>.

<sup>65</sup> Al-Husain bin Abdullah At-Tibi, **Al-Kasyif `An Haqaiq As-Sunan**, 4/1420

## Mendoakan Perlindungan Untuk Orang Lain

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَوِّدُ الْحَسَنَ وَالْحُسَيْنَ، يَقُولُ:  
 أُعِيدُكُمْ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ، وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَةٍ.  
 وَيَقُولُ: هَكَذَا كَانَ إِبْرَاهِيمُ يُعَوِّدُ إِسْحَاقَ وَإِسْمَاعِيلَ.

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

Daripada Ibn Abbas r.anhuma katanya, Rasulullah pernah mendoakan perlindungan untuk Al-Hasan dan Al-Husain dengan katanya:

*“Aku melindungi kamu berdua dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna, dari segala syaitan dan makhluk berbisa<sup>66</sup>, dan dari segala pandangan mata yang mendatangkan bahaya.”*

Nabi berkata lagi: *“Demikianlah Nabi Ibrahim mendoakan perlindungan untuk anaknya Ishaq dan Ismail.”*

H.R At-Tirmizi

### Biografi Sahabat:

Setelah Abdullah bin Abbas dilahirkan ke dunia, ibunya terus menghantar beliau kepada Rasulullah s.a.w untuk

<sup>66</sup> Al-hammah juga bermaksud setiap manusia yang berniat jahat terhadap seseorang. Lihat Abd Ar-Rahman bin Ali Al-Jawzi, **Kasyf Al-Musykil Min Hadith As-Sahihain**, 2/415.

*ditahnik*. Ibunya mahu memastikan, bahan pertama yang memasuki perut anaknya ialah makanan yang bercampur air liur Nabi s.a.w yang berkat dan suci.

Sejak Abdullah mencapai usia *mumayyiz*<sup>67</sup>, beliau sentiasa melazimi Rasulullah s.a.w seperti sepasang mata yang saling melazimi antara satu sama lain. Abdullah sering menyediakan air wuduk untuk Nabi apabila baginda memerlukannya. Abdullah juga bersolat di belakang Nabi ketika baginda menunaikan solat. Abdullah sering mengiringi Nabi ketika baginda bermusafir. Dalam banyak keadaan, Abdullah sentiasa bersama-sama Nabi s.a.w.

Dengan hati yang sentiasa peka dan akal yang sentiasa cakna, Abdulullah merakam segala kata-kata dan perilaku Rasulullah s.a.w sebagai pedoman dalam memahami cara beragama.

### **Pedoman Doa:**

1. Doa adalah senjata untuk orang-orang beriman ketika menghadapi pancaroba kehidupan.
2. Selain dari mendoakan kebaikan atau menolak keburukan untuk diri sendiri, kita juga boleh menggunakan doa untuk kebaikan orang lain.
3. Lafaz doa ini sesuai digunakan untuk 2 orang lelaki dan 2 orang perempuan. Namun ia juga boleh disesuaikan dengan jantina dan bilangan pihak yang didoakan dalam bentuk kata ganti nama kedua seperti berikut:
  - a. Untuk seorang lelaki: **أَعِيذُكَ**
  - b. Untuk sekumpulan lelaki (lebih dari 3 orang):

**أَعِيذُكُمْ**

<sup>67</sup> Mumayyiz ialah peringkat usia kanak-kanak yang sudah mampu menilai baik dan buruk. Biasanya ia bermula ketika usia 6 atau 7 tahun.

- c. Untuk seorang perempuan: **أَعِيذُكَ**  
d. Untuk sekumpulan perempuan (lebih dari 3 orang): **أُعِيذُكُنَّ**
4. Mendoakan kebaikan untuk orang lain adalah tanda kasih yang tulus dari pihak pendoa. Doa sebegini biasanya berlaku dengan penghayatan yang tinggi dan insya Allah ia mudah dikabulkan oleh Allah.
  5. Berlindung dengan kalimah Allah bukan bererti mencari perlindungan dengan perkataan atau tulisan tertentu, sebaliknya ia bermaksud mencari perlindungan dengan Allah yang mempunyai nama-nama yang mulia dan sifat-sifat yang agung<sup>68</sup>.

68 Abu Sulaiman Al-Khattabi, **Ma`alim As-Sunan Syarh Sunan Abi Daud**, 4/332 - 333.

## Doa Istikharah (Meminta Pilihan Yang Terbaik Dari Allah)

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ، كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا  
الِاسْتِخَارَةَ فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا، كَالسُّورَةِ مِنَ الْقُرْآنِ. إِذَا هَمَّ أَحَدُكُمْ بِالْأَمْرِ فَلْيَرْجِعْ  
رُكْعَتَيْنِ، ثُمَّ يَقُولُ:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ، وَأَسْتَعِذُّكَ بِقُدْرَتِكَ، وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيمِ، فَإِنَّكَ  
تَقْدِرُ وَلَا أَقْدِرُ، وَتَعْلَمُ وَلَا أَعْلَمُ، وَأَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ.

اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ خَيْرٌ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي - أَوْ قَالَ:  
فِي عَاجِلِ أَمْرِي وَآجِلِهِ - فَاقْدُرْهُ لِي.

وَإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ شَرٌّ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي - أَوْ قَالَ: فِي  
عَاجِلِ أَمْرِي وَآجِلِهِ - فَاصْرِفْهُ عَنِّي وَاصْرِفْهُ عَنِّي، وَاقْدُرْ لِي الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ، ثُمَّ رَضِّنِي  
بِهِ، وَيُسَمِّي حَاجَتَهُ.

رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ

*Daripada Jabir bin Abdullah r.anhuma katanya, Nabi s.a.w telah mengajarkan kami solat istikharah dalam semua urusan seperti mana Nabi mengajar kami sebuah surah dari Al-Quran. Apabila ada di kalangan kalian ingin melakukan sesuatu perkara, ia hendaklah menunaikan solat 2 rakaat. Kemudian ia berdoa:*

*Ya Allah, sesungguhnya aku meminta pilihanMu dengan pengetahuanMu, meminta ketentuan yang baik dengan*

*qudratMu dan meminta kepadaMu dari kurniaMu yang agung, kerana Engkaulah yang berkuasa, dan aku tidak berkuasa. Engkaulah yang mengetahui dan aku tidak mengetahui. Engkaulah Tuhan yang Maha Mengetahui perkara yang ghaib.*

*Ya Allah, jika Engkau tahu bahawa perkara ini baik untukku pada agama, kehidupan dunia dan akhiratku – atau ia berkata untuk jangka pendek dan jangka panjang hidupku, maka takdirkan ia untukku.*

*Jika Engkau tahu bahawa perkara ini buruk untukku pada agama, kehidupan dunia dan akhiratku – atau ia berkata untuk jangka pendek dan jangka panjang hidupku, maka jauhkan ia dariku dan elakkan aku darinya, serta takdirkan kebaikan untukku seperti yang telah ditetapkan dan jadikan aku menerimanya dengan redha. Ia hendaklah menyebutkan hajatnya ketika berdoa<sup>69</sup>.*

*H.R Al-Bukhari*

### **Biografi Sahabat:**

Nama penuh sahabat Nabi ini ialah Jabir bin Abdullah bin Amr bin Haram Al-Ansari. Beliau juga termasuk dalam kalangan sahabat Nabi yang banyak meriwayatkan hadith, iaitu sebanyak 1540 hadith.

Beliau memeluk Islam ketika remaja dalam peristiwa Bai`ah Al-`Aqabah yang kedua pada tahun ke-13 kenabian.

Selepas kewafatan Baginda S.A.W, beliau menyertai pelbagai peristiwa peperangan dan pembebasan wilayah termasuk menjadi tentera kepada pasukan yang dipimpin oleh Khalid bin Al-Walid dalam misi membuka negeri Syam.

Beliau wafat pada tahun 74 hijrah ketika berusia 94 tahun serta dikebumikan di Madinah.

<sup>69</sup> Keperluan atau hajat tersebut boleh disebut menggantikan perkataan yang bergaris di bawah dalam teks doa asal dan terjemahannya.

## Pedoman Doa:

1. *Istikharah* bererti meminta pilihan dari Allah s.w.t melalui solat sunat 2 rakaat dan doa setelahnya.
2. Prosuder umum *istikharah* ialah:
  - a. Manusia merancang untuk melakukan sesuatu.
  - b. Melakukan solat *istikharah*.
  - c. Meminta pilihan terbaik dari Allah melalui doa yang diajarkan.
  - d. Membuat keputusan berdasarkan tanda yang terzhahir seperti merasai ketenangan hati dengan pilihan yang dilakukan, dipermudahkan salah satu pilihan yang ada, diberi petunjuk melalui mimpi atau seumpamanya.
3. Walaupun manusia boleh merancang, meneliti dan melakukan penilaian risiko, namun pengetahuan manusia tentang perkara yang akan berlaku adalah terhad. Justeru, manusia perlu menunaikan solat *istikharah* sebagai langkah terakhir mendapatkan bimbingan yang tepat dari Allah.
4. Solat *istikharah* boleh dilakukan ketika hendak membuat sesuatu yang bersifat pilihan seperti berkahwin, memilih pekerjaan, hendak bermusafir dan sebagainya. Adapun kewajipan, tanggungjawab, tugas harian dan perkara-perkara yang bukan bersifat pilihan, maka ia tidak perlu kepada *istikharah*.
5. Nabi s.a.w telah mengajarkan tatacara solat dan doa *istikharah* kepada para sahabatnya dengan cara yang khusus dan terperinci. Justeru, meminta pilihan Allah dengan cara yang lain seperti membuka Al-Quran



secara rawak<sup>70</sup>, garpu tala<sup>71</sup> dan seumpamanya, maka ia tidak termasuk dalam proses *istikharah* yang syar`iy. Pelakunya mungkin tidak mendapat bimbingan dari Allah disebabkan tatacara ibadah yang salah.

70 Portal Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4851-irsyad-al-fatwa-siri-ke-586-hukum-melakukan-istikharah-dengan-membuka-al-quran-secara-rawak>, diakses pada 3 Mac 2022

71 Portal Utusan Malaysia, <https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/amalan-garpu-tala-perlekeh-al-quran/>, diakses pada 3 Mac 2022

## Doa Selepas Solat Hajat

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي أَوْفَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ كَانَتْ لَهُ إِلَى اللَّهِ حَاجَةٌ أَوْ إِلَى أَحَدٍ مِنْ بَنِي آدَمَ، فَلْيَتَوَضَّأْ وَلْيُحْسِنِ الْوُضُوءَ، ثُمَّ لِيُصَلِّ رَكَعَتَيْنِ، ثُمَّ لِيُثْنِ عَلَى اللَّهِ، وَلِيُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. ثُمَّ لِيُثْمَلْ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ، سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، أَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ، وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ، وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بَرٍّ، وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ، لَا تَدْعُ لِي ذَنْبًا إِلَّا غَفَرْتَهُ، وَلَا هَمًّا إِلَّا فَرَجْتَهُ، وَلَا حَاجَةً هِيَ لَكَ رِضًا إِلَّا قَضَيْتَهَا، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

رواه الترمذی

*Daripada Abdullah bin Abu Awfa r.anhuma katanya, Rasulullah s.a.w bersabda:*

*Sesiapa yang mempunyai hajat kepada Allah atau urusan dengan mana-mana manusia, ia hendaklah berwuduk dan menunaikan solat 2 rakaat. Kemudian ia hendaklah memuji Allah dan berselawat kepada Nabi s.a.w. Kemudian ia hendaklah berdoa:*

*Tiada tuhan melainkan Allah yang Maha Lemah Lembut<sup>72</sup> dan Maha Pemurah. Maha suci Allah Tuhan Pemilik Arash yang agung. Segala puji bagi Allah, Pentadbir seluruh alam. Aku memohon kepadaMu perkara-perkara yang menyebabkan*

<sup>72</sup> Maksud lemah-lembut bagi Allah ialah Dia tidak segera menurunkan azab kepada hamba-hambanya yang melakukan dosa, sebaliknya Dia memberi ruang untuk mereka bertaubat dan kembali ke pangkal jalan. Lihat Al-Mulla Ali Al-Qari, **Mirqat Al-Mafatih**, 3/991

*aku mendapat rahmatMu, sikap-sikap yang mewajibkan pengampunanMu, berjaya melakukan kebaikan dan terselamat dari melakukan segala dosa. Janganlah Engkau biarkan dosaku melainkan Engkau ampunkannya. Usah biarkan kesukaran melainkan Engkau hilangkannya. Dan jangan biarkan sebarang hajatku yang Engkau redhai melainkan Engkau tunaikannya, wahai Tuhan yang paling mengasihi.*

*H.R At-Tirmizi*

وَفِي رِوَايَةٍ عِنْدَ ابْنِ مَاجَةَ: ثُمَّ يَسْأَلُ اللَّهَ مِنْ أَمْرِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ مَا شَاءَ، فَإِنَّهُ يُعَدِّدُ.

*Dalam satu riwayat di sisi Ibn Majah ada menyebutkan: "Kemudian dia boleh meminta kepada Allah keperluan dunia dan akhiratnya, kerana hal tersebut akan disempurnakan oleh Allah."*

### **Biografi Sahabat:**

Abdullah bin Abu Afwa Al-Aslami adalah sahabat Nabi dari Bani Khuza`ah yang berasal dari daerah sekitar Mekah. Bapanya Abu Awfa atau nama sebenarnya `Alqamah bin Khalid pernah didoakan oleh Nabi s.a.w ketika beliau membayar zakat. Kata Nabi dalam doanya: "Ya Allah, limpahkan rahmat dan pengampunan ke atas keluarga Abu Awfa."

Abdullah pernah menghadiri peristiwa Perjanjian Hudaibiyah, Bai`ah Ar-Ridwan, Perang Khaibar dan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada tahun ke-7 hijrah dan selepasnya. Beliau kemudiannya menetap di Madinah sehingga Nabi wafat. Setelah itu beliau berpindah ke Kufah, Iraq untuk menyebarkan ilmu dan dakwah. Beliau wafat pada tahun 87 hijrah dan merupakan sahabat Nabi yang terakhir wafat di kawasan Kufah.

## Pedoman Doa:

1. Selain dari doa-doa yang sedia ada, hadith ini menawarkan satu lagi peluang untuk manusia memohon hajatnya kepada Allah s.w.t.
2. Berdasarkan hadith, terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan, iaitu:
  - a. Berwuduk dengan sempurna.
  - b. Menunaikan solat sunat 2 rakaat.
  - c. Memulakan doa dengan puji-pujian kepada Allah.
  - d. Berselawat ke atas Rasulullah s.a.w.
  - e. Berdoa dengan uslub yang disebutkan dalam hadith.
  - f. Meminta hajat kepada Allah secara spesifik.
3. Di dalam doa ini, terdapat beberapa rangkap kata yang boleh meningkatkan rasa optimis manusia kepada rahmat Allah s.w.t. Antaranya:
  - a. Nama Allah *Al-Halim* dan *Al-Karim* dalam ayat لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ memberi harapan kepada manusia betapa Tuhan masih memberi ruang untuk mengkabulkan hajat manusia walaupun mereka ada ketikanya melakukan dosa atau cuai dalam melakukan ketaatan.
  - b. Lafaz سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ memberi isyarat bahawa, jika Tuhan telah mencipta ArashNya yang agung, tentulah lebih mudah untukNya mengkabulkan permintaan para hambaNya yang jauh lebih kecil dari Arash<sup>73</sup>.

73 Muhammad Abd Ar-Rahman Al-Mubarakfuri, **Tuhfat Al-Ahwazi**,

13. Setelah melafazkan doa tersebut, kita boleh memperincikan permintaan secara khusus, yang merangkumi hajat di dunia dan akhirat, seperti yang diisyaratkan dalam hadith riwayat Ibn Majah.

## Doa Untuk Mengatasi Masalah Hutang

عَنْ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ مُكَاتَبًا جَاءَهُ فَقَالَ:  
 إِيَّيَ قَدْ عَجَزْتُ عَنْ مُكَاتَبَتِي، فَأَعَيْتِي! قَالَ: أَلَا أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ عَلَّمْنِيَهُنَّ رَسُولُ اللَّهِ  
 صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَوْ كَانَ عَلَيْكَ مِثْلُ جَبَلِ صَيْرٍ دَيْنًا، أَدَّاهُ اللَّهُ عَنْكَ؟ قَالَ: أَللَّهُمَّ  
 اكْفِنِي بِحَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ، وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ.

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

*Daripada Ali r.anhu katanya, ada seorang hamba mukatab datang menemuinya dan berkata: "Sesungguhnya saya tidak mampu melangsaikan kontrak kitabah<sup>74</sup>. Bantulah saya!" Ali berkata: "Mahukah saya ajarkan kamu beberapa perkataan yang pernah diajarkan oleh Rasulullah s.a.w, seandainya kamu menanggung hutang sebesar Bukit Sir<sup>75</sup> pun, Allah pasti akan membantu kamu?"*

*Ali berkata: "Ya Allah, cukupkanlah aku dengan rezeki halal serta hindariku dari harta yang haram, dan cukupkanku dengan kurniaMu tanpa aku berharap kepada selainMu.*

*H.R At-Tirmizi*

<sup>74</sup> Kontrak *kitabah* ialah sebuah perjanjian, di mana seorang hamba sahaya diberi peluang oleh tuannya untuk mendapat kebebasan dengan syarat hamba tersebut membawakan untuk tuannya sekian jumlah duit atau harta dalam tempoh yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak  
<sup>75</sup> Bukit Sir terletak di Bandar Ha'il, Barat Laut Arab Saudi. Ada yang menamakan bukit ini sebagai Bukit Tayyi` kerana ia terletak di penempatan kabilah Tayyi` di zaman dahulu.

## Biografi Sahabat:

Ali bin Abu Talib adalah anak bongsu dari 7 beradik. Beliau dilahirkan di Mekah, kira-kira 10 tahun sebelum Muhammad dilantik menjadi Rasul.

Ketika Mekah dilanda krisis ekonomi<sup>76</sup>, Ali telah dijaga dan ditanggung oleh Nabi s.a.w memandangkan Abu Talib ketika itu mempunyai ramai anak dan terkesan dengan krisis. Sejak saat itu, Ali mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan Nabi s.a.w.

Dalam peristiwa hijrah ke Madinah, Ali bertolak keluar ke Madinah 3 hari setelah Nabi berangkat. Beliau berjalan kaki bersendirian di waktu malam dan bersembunyi-sembunyi di waktu siang. Setelah keadaannya stabil di Madinah, Ali dikahwinkan dengan Fatimah pada tahun ke-2 hijrah. Dari perkahwinan tersebut, beliau dikurniakan 6 orang anak.

Selain sahabat Nabi, beliau juga merupakan sepupu Nabi dan kanak-kanak pertama yang memeluk Islam. Anas bin Malik berkata, Ali memeluk Islam sehari selepas Nabi dilantik menjadi Rasul. Ali juga merupakan salah seorang pencatat wahyu, khalifah Islam yang ke-4 dan salah seorang dari 10 sahabat Nabi yang dijamin syurga.

## Pedoman Doa:

1. Di antara ujian yang menimpa manusia secara berkala ialah ujian kemelesetan ekonomi atau defisit kewangan, sama ada di peringkat individu atau keluarga.
2. Ujian ini boleh menimbulkan keresahan di jiwa. Keserabutan ini hanya akan tamat jika masalah tersebut dapat diatasi dan beban kewangan dapat

<sup>76</sup> Hal ini berlaku sebelum Muhammad dilantik menjadi Rasul.

dilaksanakan.

3. Terdapat banyak ikhtiar yang mungkin boleh diusahakan. Namun, langkah pertama yang boleh dilakukan ialah berdoa meminta Allah melorongkan jalan penyelesaian.
4. Doa ini boleh diulang baca selepas solat, ketika sujud dan dalam situasi yang dirasakan sesuai.
5. Hadith ini mengajarkan kita beberapa perkara:
  - a. Sentiasa menyedari bahawa Allah s.w.t Maha Kaya dan Maha Pemurah. Dengan sifat pemurahnya yang tidak terbatas, Allah boleh memberikan kurniaNya sehingga segala keperluan kita menjadi cukup.
  - b. Tidak bergantung harap kepada makhluk kerana hakikatnya mereka juga serba kekurangan dan bergantung harap kepada Allah jua.
  - c. Bagi mendapat kurnia seperti yang dinyatakan, seeloknya kita berdoa dengan doa yang pernah diajarkan oleh Nabi s.a.w kepada para sahabat, kerana uslubnya lebih merangkum dan lebih mencakup.



## Doa Meminta Dihilangkan Kesedihan Dan Kemurungan

عَنْ أَبِي بَكْرَةَ بْنِ الْحَارِثِ الثَّقَفِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:

دَعَوَاتِ الْمَكْرُوبِ: اَللّٰهُمَّ رَحْمَتَكَ اَرْجُوْ، فَلَا تَكْلِبْنِيْ اِلَى تَفْسِيْ طَرْفَةَ عَيْنٍ، وَاَصْلِحْ لِيْ شَأْنِيْ كُلَّهُ، لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ.

رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ

*Daripada Abu Bakrah bin Al-Harith Ath-Thaqafi r.anhu, bahawa dia pernah mendengar Rasulullah s.a.w berkata:*

*Doa untuk orang yang sedang murung dan kesedihan ialah: Ya Allah, hanya rahmat dan belas kasihanMu aku harapkan. Janganlah Engkau serahkan aku kepada diri ini walau sedetik. Perbaikilah seluruh keadaan diriku ini. Tiada tuhan melainkan Engkau jua.*

*H.R Abu Daud*

### Biografi Sahabat:

Nama sebenar Abu Bakrah ialah Nufai' bin Al-Harith. Ada yang mengatakan, Nufai' bin Masruh.

Beliau seorang hamba sahaya yang berasal dari Taif. Ketika peristiwa Kepungan Taif pada tahun ke-8 hijrah, beliau bersama beberapa hamba sahaya yang lain telah berjaya menyusup keluar dari kepungan dan mencari Nabi s.a.w.

Lalu Baginda memerdekakan mereka serta menamakan mereka `Utaqa` Allah (orang-orang yang dimerdekan oleh Allah).


Beliau kemudiannya tinggal di Basrah. Ketika berlaku pertembungan para sahabat dalam peperangan Jamal dan Siffin, beliau di antara individu yang mengambil sikap berkecuali dari menyertai mana-mana pihak.

Beliau meninggal di Basrah pada tahun 51 hijrah.

### **Pedoman Doa:**

1. Sebahagian ulama menamakan doa ini sebagai doa untuk orang yang dilanda kesedihan (da`awat al-makrub)<sup>77</sup>.
2. Susah dan senang atau sedih dan gembira adalah silih berganti yang melazimi manusia dalam kehidupan dunia.
3. Sesetengah musibah yang menimpa, benar-benar menguji emosi dan perasaan serta mencetuskan kekusutan fikiran dan kesedihan yang mendalam hingga boleh menimbulkan kesan yang tidak dijangka.
4. Pernyataan "Janganlah Engkau serahkan aku kepada diri ini walau sedetik" menggambarkan manusia adalah lemah dan tidak memiliki sebarang upaya mengatasi masalah yang menimpa.
5. Dalam situasi ini – selain mengusahakan penyelesaian –, manusia hendaklah kembali kepada Allah dengan mengadu dan merayu kepadaNya agar diri tidak dibiarkan bersendirian terkapai-kapai

<sup>77</sup> Al-Husain bin Mahmud Al-Muzhiri, **Al-Mafatih Fi Syarh Al-Masabih**, 3/230



dalam kemelut yang meresahkan.

6. Dengan rahmatNya yang luas, Allah pasti tidak membiarkan hambaNya bersendirian asalkan ia memenuhi syarat-syarat pengkabulan ketika berdoa.

## Antara Cara Mendapatkan Perkenan Allah Dalam Berdoa

عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعْوَةُ ذِي النُّونِ إِذْ دَعَا وَهُوَ فِي بَطْنِ الْحُوتِ: لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ. فَإِنَّهُ لَمْ يَدْعُ بِهَا رَجُلٌ مُسْلِمٌ فِي شَيْءٍ قَطُّ إِلَّا اسْتَجَابَ اللَّهُ لَهُ. رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

*Daripada Saad bin Abu Waqqas r.anhu katanya, sabda Rasulullah s.a.w:*

*Doa Zu An-Nun (Nabi Yunus a.s) ketika berada dalam perut ikan paus ialah: Tiada tuhan selain Engkau, maha suci Engkau, sesungguhnya aku tergolong di kalangan orang-orang yang zalim.*

*Sesungguhnya tidak ada muslim yang berdoa meminta hajatnya sebegini melainkan Allah mengkabulkan permintaannya.*

*H.R At-Tirmizi*

### Biografi Sahabat:

Nama penuh perawi sahabat ini ialah Saad bin Malik Az-Zuhri. Beliau di antara salah seorang dari 10 sahabat Nabi yang dijamin syurga serta merupakan antara individu terawal memeluk agama Islam. Selain itu, beliau juga terkenal sebagai orang Islam pertama yang melepaskan serangan panah di medan perang.

Saad menyertai hampir semua peperangan bersama Nabi. Ketika peristiwa Pembebasan Kota Mekah, Saad menjadi salah seorang pemegang panji bagi kaum Muhajirin.

Di zaman pemerintahan Saidina Umar, Saad menjadi salah seorang panglima tentera yang utama. Di tangan beliau, pasukan tentera Islam telah berjaya menoktahkan kekuasaan empayar Parsi.

Sebelum Saidina Umar wafat, beliau telah mencalonkan 6 orang ahli syura yang akan menentukan perlantikan khalifah selepasnya, dan Saad merupakan salah seorang dari 6 ahli syura tersebut.

Pada tahun-tahun berlakunya pertembungan tajam di antara para sahabat, Saad mengambil sikap berkecuali. Beliau wafat pada tahun 55 hijrah di Al-`Aqiq dan dikebumikan di Madinah.

### **Pedoman Doa:**

1. Setiap muslim yang berdoa kepada Allah, tentunya mengharapkan hajatnya diperkenankan olehNya.
2. Di antara usaha kita agar hajat yang dipohon menjadi kenyataan ialah melafazkan zikir yang pernah diamalkan oleh Nabi Yunus a.s ketika berada di dalam perut ikan paus selama beberapa ketika<sup>78</sup>.
3. Lafaz ini boleh meningkatkan peluang pengkabulan doa di sisi Allah kerana ia mempunyai 3 ciri yang Allah sukai:
  - a. Lafaz pengakuan tauhid kepada Allah.

<sup>78</sup> Dalam hal ini, terdapat pelbagai pendapat dinukilkan di dalam rujukan-rujukan tafsir. Ada yang mengatakan 40 hari, 7 hari, 3 hari dan 4 jam. Ada pendapat yang mengatakan Nabi Yunus di telan ikan paus di waktu duha dan dimuntahkan ke darat di waktu malam. Namun semua perincian ini tidak pernah disebut dalam mana-mana hadith. Wallahu a`lam.

Delete,  
Sebab beribadah

- b. Pujian kepada Allah melalui ucapan tasbih.
- c. Pengakuan diri sebagai hamba yang banyak melakukan dosa. **Ketiga-tiga pengakuan tersebut adalah simbol merendah diri dari hamba yang berdosa, yang mengharapkan kurnia dari keluasan rahmat Allah s.w.t.**
4. Ketiga-tiga pengakuan tersebut adalah simbol merendah diri dari hamba yang berdosa, yang mengharapkan kurnia dari keluasan rahmat Allah s.w.t.
5. Zikir ini juga mengandung unsur *istighfar* (meminta ampun kepada Allah). Sesiapa yang diampunkan oleh Allah, ia menjadi semakin hampir dengan rahmat Allah. Sesiapa yang semakin hampir kepada Allah, maka semakin mudah doanya diperkenankan.
6. Seperti mana harapan Nabi Yunus untuk keluar dari kegelapan perut ikan paus menjadi kenyataan dengan zikir ini, maka mudah-mudahan dengan membaca zikir yang sama, harapan kita turut diperkenankan oleh Allah s.w.t.

## Doa Ketika Menghadapi Kesukaran Dalam Sesuatu Urusan

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اللَّهُمَّ لَا سَهْلَ إِلَّا مَا جَعَلْتَهُ سَهْلًا، وَأَنْتَ تَجْعَلُ الْحَزْنَ سَهْلًا إِذَا شِئْتَ .

رَوَاهُ ابْنُ حِبَّانَ

*Daripada Anas r.anhu, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:*

*Ya Allah, tiada kemudahan melainkan apa yang telah Engkau jadikannya mudah. Engkaulah yang menjadikan sesuatu yang keras itu menjadi lembut jika Engkau menghendakinya.*

*H.R Ibn Hibban*

### Biografi Sahabat:

Anas menceritakan, beliau tidak pernah dimarahi oleh Nabi s.a.w sepanjang berkhidmat kepada baginda. Baginda tidak pernah mempersoalkannya ketika ia melakukan atau meninggalkan sesuatu perkara.

Pada suatu hari, Nabi pernah memintanya pergi ke sesuatu tempat dengan satu tugas. Ketika dalam perjalanan ke tempat tersebut, Anas singgah bermain seketika dengan rakan-rakannya di pasar. Tidak berapa lama kemudian, Anas merasakan ada seseorang berdiri di belakangnya. Anas menoleh dan melihat Rasulullah s.a.w sedang tersenyum sambil berkata: "Unais, adakah kamu

telah pergi ke tempat yang saya minta?" Anas dengan rasa bersalah menjawab: "Baiklah, saya akan pergi sekarang juga wahai Rasulullah."

Anas merasa segan dan terharu dengan sikap Nabi s.a.w. Anas berkata, Rasulullah s.a.w merupakan manusia yang paling berakhlak mulia, amat berlapang dada dan sangat penyayang.

### **Pedoman Doa:**

1. Ada ketikanya, kesukaran adalah ciri yang sedia ada pada sesuatu perkara. Ada ketika yang lain, sesuatu perkara itu adalah mudah pada asalnya, namun menjadi sukar disebabkan faktor-faktor luaran.
2. Namun, tiada yang sukar bagi Allah s.w.t. Semua perkara adalah mudah bagiNya. Malah Dialah Tuhan yang berkuasa mempermudah yang sukar atau menyukarkan perkara yang mudah.
3. Seperti mana sesuatu yang keras bak batu boleh menjadi lembut dan mudah diurus dengan kuasa Allah, maka demikian juga urusan dalam kehidupan manusia. Allah berkuasa mempermudah perkara yang sukar.
4. Doa ini mengajarkan kita agar bergantung harap kepada Allah dalam setiap urusan, walaupun kita memiliki kemahiran dalam menguruskannya.
5. Ketika mendapati kesukaran dalam sesuatu urusan, kita hendaklah berdoa memohon kelancaran urusan berkaitan bersama-sama ikhtiar dan usaha.



## Doa Penghargaan Untuk Pelaku Kebaikan

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:  
مَنْ صُنِعَ إِلَيْهِ مَعْرُوفٌ، فَقَالَ لِفَاعِلِهِ: جَزَاكَ اللَّهُ حَسْبًا، فَقَدْ أَبْلَغَ فِي الشَّاءِ.

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

*Daripada Usamah bin Zaid r.anhuma katanya, sabda Rasulullah s.a.w:*

*Sesiapa yang diperlakukan kebaikan kepadanya, lalu ia berkata kepada pelakunya: **Semoga Allah membalas kamu dengan segala kebaikan**, maka sesungguhnya ia telah memberikan penghargaan yang besar.*

*H.R At-Tirmizi*

### Biografi Sahabat:

Usamah bin Zaid dilahirkan 7 tahun sebelum peristiwa hijrah ke Madinah. Bapa beliau, Zaid bin Harithah merupakan bekas hamba Rasulullah s.a.w merangkap anak angkat baginda. Ibu beliau bernama Barakah dan dikenali sebagai Ummu Aiman. Beliau berasal dari Habsyah dan pernah menjadi hamba sahaya kepada ibu Nabi s.a.w. Setelah kematian Aminah, Nabi s.a.w mewarisi Ummu Aiman dan memerdekakannya.

Sekalipun Usamah dikatakan berkulit hitam, namun Rasulullah s.a.w sangat mengasihinya. Beliau dikenali di

kalangan para sahabat sebagai *Hibb Ar-Rasul* iaitu orang kesayangan Rasulullah. Kelahiran beliau telah mencerikan Nabi. Semasa kecil, baginda telah menumpahkan rasa kasih, ilmu dan didikannya kepada Usamah. Nabi pernah meletakkan Usamah di atas paha kiri, dan cucunya Al-Hasan di atas paha kanan, lalu berdoa, “ya Allah, sesungguhnya aku mengasihi mereka berdua, maka kasihilah mereka.”

Pada bulan Safar, tahun ke-11 hijrah, baginda telah melantik Usamah mengetuai bala tentera ke sempadan Balqa` dan Ad-Darum yang terletak di negeri Syam di bawah pemerintahan Empayar Rom. Ketika itu, usia beliau belum mencecah 20 tahun. Setelah 40 hari, tentera ini pulang dengan kejayaan yang besar.

Usamah meninggal dunia pada tahun 54 hijrah, di Al-Jarf, pinggiran Madinah.

### **Pedoman Doa:**

1. Realitinya, dunia ini masih lagi didiami oleh manusia yang suka melakukan kebaikan. Ada ketikanya mereka lakukan kebaikan secara langsung, adakalanya mereka lakukannya di luar pengetahuan orang.
2. Jika kita menerima kebaikan dari seseorang, kita digalakkan untuk membalas pelakunya dengan kebaikan yang setara atau lebih dari itu<sup>79</sup>.
3. Namun dalam situasi kita tidak dapat membalas kebaikan yang dihulurkan kerana tidak mampu

<sup>79</sup> Berdasarkan galakan Nabi dalam hadith **Sunan Abi Daud**, Hadith 1672:

مَنْ صَنَعَ إِلَيْكُمْ مَعْرُوفًا فَكَافِئُوهُ

“Sesiapa yang berbuat baik kepada kamu, hendaklah kamu membalas kembali kebbaikannya.”

atau kesuntukan masa, Islam mengajarkan kita agar mengucapkan terima kasih<sup>80</sup> serta mendoakan pelakunya dengan ucapan<sup>81</sup>:

جَزَاكَ اللهُ خَيْرًا

*“Semoga Allah membalas kamu dengan segala kebaikan”*

4. Ucapan tersebut mempunyai fungsi doa dan kata-kata penghargaan terhadap orang yang melakukan kebaikan. Malah, kita digalakkan menzahirkan doa tersebut di hadapan pelakunya agar ia benar-benar menyedari kita amat berterima kasih terhadap kebaikannya<sup>82</sup>.
5. Islam sentiasa menggalakkan sikap berterima kasih, memberi kata-kata penghargaan dan mendoakan kebaikan kepada sesiapa saja yang melakukan kebaikan, agar sikap ini memberi inspirasi untuk manusia terus berlaku ihsan kepada insan.

80 Berdasarkan hadith yang bermaksud “Tidak dikira bersyukur kepada Allah, manusia yang tidak berterima kasih kepada orang lain.” **Musnad Imam Ahmad**, Hadith 7939

81 Zain Ad-Din Al-Munawi, **At-Taisir Bi Syarh Al-Jami` As-Saghir**, 2/428

82 Lihat Hadith 1672 dari **Sunan Abi Daud**:

فَإِنْ لَمْ يَجِدُوا مَا تَكَافَأُوا بِهِ، فَادْعُوا لَهُ حَتَّى تَرَوْا أَنْكُمْ قَدْ كَافَأْتُمُوهُ

*“Jika kamu tidak dapat membalas kebaikannya, maka doakan untuknya dengan cara yang setimpal dengan balasan kebaikan untuknya.”*  
laitu bersungguh-sungguh mendoakan kebaikan untuk pelakunya.

} Justify

## Doa Dikekalkan Nikmat Anggota Badan Sepanjang Hayat

رُويَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ مِنْ دُعَاءِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

اللَّهُمَّ مَتِّعْنَا بِأَسْمَاعِنَا وَأَبْصَارِنَا وَقُوَّتِنَا مَا أَحْيَيْتَنَا، وَاجْعَلْهُ الْوَارِثَ مِنَّا...

رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ

*Diriwayatkan dari Abdullah bin Umar r.anhuma, bahawa di antara doa yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w:*

*Ya Allah, berikan kami nikmat pendengaran, penglihatan dan kekuatan tubuh badan selama hayat dikandung badan, dan jadikanlah nikmat tersebut diwarisi oleh keturunan kami...*

*H.R At-Tirmizi*

### Biografi Sahabat:

Abdullah bin Umar merupakan antara tokoh sahabat yang memiliki keperibadian yang mulia. Ramai di kalangan sahabat dan tabi`in telah memberikan penyaksian yang tinggi terhadap beliau.

Ibn Mas`ud berkata, "Abdullah adalah belia Quraish yang paling berupaya mengawal diri dari godaan dunia." Hal ini turut disokong oleh Jabir yang berkata, "sesiapa di kalangan kami yang mendapat habuan dunia, hatinya akan

terkesan dengannya melainkan Ibn Umar.” Tawus turut bersetuju dengan katanya, “aku tidak pernah melihat orang yang lebih warak dari Ibn Umar.”

Ibn Umar juga seorang insan yang merendah diri. Beliau akan memberi salam kepada sesiapa saja yang dijumpainya, sama ada mereka dewasa atau kanak-kanak. Ibn Umar pernah berhutang 2000 Dirham dari seorang lelaki. Namun ketika membayarnya, beliau menambah 200 Dirham lagi sebagai sedekah.

Kerana kemuliaan akhlak beliau, Ibn Al-Musayyib berkata, “jika aku boleh mengatakan seseorang itu sebagai ahli syurga, aku akan katakan Ibn Umar adalah penghuninya.”

### **Pedoman Doa:**

1. Terdapat pelbagai jenis nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia. Selain dari nikmat Iman dan Islam, Allah turut memberikan nikmat-nikmat penting berupa anggota badan dan kesihatan bagi memudahkan manusia menjalani kehidupan.
2. Nikmat-nikmat ini sangat unik. Setiap anggota badan mempunyai fungsi dan sistem yang menakjubkan. Ia merupakan pemberian Allah yang tiada ganti. Sampai satu ketika, fungsi nikmat tersebut akan menurun atau hilang disebabkan penyakit tertentu atau kematian.
3. Justeru, dengan doa ini kita memohon kepada Allah agar memanjangkan jangka hayat fungsi pendengaran, penglihatan dan kekuatan badan selama kita hidup serta menjadikan nikmat yang sama diwarisi oleh seluruh keturunan yang datang setelah kita<sup>83</sup>.

<sup>83</sup> Jalal Ad-Din As-Suyuti, **Qut Al-Mughtazi `Ala Jami` At-Tirmizi**, 2/861

4. Secara tidak langsung, dengan doa ini kita turut meminta kepada Allah agar mengurniakan zuriat keturunan yang sihat dan cukup sifat anggota badan.
5. Selain dari berdoa, mensyukuri nikmat anggota badan dengan menggunakannya pada cara yang betul juga boleh memanjangkan jangka hayat nikmat-nikmat Tuhan<sup>84</sup> seperti mana yang diisyaratkan oleh ayat 7, Surah Ibrahim<sup>85</sup>.

84 Lihat Ali As-Sobuni, **Safwah At-Tafasir**, 2/84

85 Iaitu:

لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ، وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ.

*"Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku tambah nikmat kepada kamu, dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azabKu amat menyakitkan."*

# Doa Dipermudahkan Melakukan Kebaikan Dan Meninggalkan Kejahatan

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَدِيثٍ طَوِيلٍ...  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ فِعْلَ الْحَيْرَاتِ، وَتَرْكَ الْمُنْكَرَاتِ.

*Daripada Ibn Abbas r.anhuma katanya, sabda Rasulullah s.a.w dalam sebuah hadith yang panjang...:*

*Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu upaya melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan.*

*H.R At-Tirmizi*

## Biografi Sahabat:

Abdullah bin Abbas di antara sahabat Nabi yang menghimpunkan pelbagai bentuk kemuliaan.

Selain dari mendapat kemuliaan kerana bersahabat dengan Rasulullah s.a.w, beliau memiliki kemuliaan hubungan kekeluargaan kerana beliau adalah sepupu di sebelah bapa Nabi s.a.w. Beliau juga memiliki kemuliaan ilmu. Beliau dianggap pendeta umat dan lautan ilmu yang melimpah ruah. Beliau juga memiliki kemuliaan taqwa kerana sering berpuasa di siang hari, bersolat di tengah malam dan memohon keampunan di waktu sahur.

Seorangtabi`in, Masruq bin Al-Ajda` berkata: "Apabila

saya melihat Ibn Abbas, saya dapati ia manusia yang paling kacak. Apabila beliau bercakap, saya dapati ia manusia yang paling petah. Apabila ia menyampaikan ilmu, saya dapati ia manusia yang paling tinggi ilmunya.”

### **Pedoman Doa:**

1. Dalam hidup ini, setiap manusia perlu komited dengan 2 perkara iaitu melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan.
2. Perbuatan baik ialah segala tingkah laku yang diredhai oleh Allah, sama ada ianya wajib atau sunat, sama ada ianya terkait dengan hak Allah atau hak makhluk.
3. Manakala perbuatan buruk pula ialah segala bentuk perlakuan yang mengundang kebencian dan kemurkaan Allah.
4. Ada ketikanya, manusia sudah mengenali kebaikan dan keburukan, tetapi tidak berupaya mengamalkan kebaikan atau meninggalkan keburukan tersebut disebabkan faktor nafsu yang mengatasi rasional atau persekitaran yang menghanyutkan iman.
5. Justeru, dengan doa ini kita memohon kepada Allah agar sentiasa diberi tawfiq untuk melakukan kebaikan dan menjauhi perbuatan buruk, dalam apa jua situasi hidup yang melingkungi.



## Doa Memohon Syurga Dan Dijauhi Neraka

رُوِيَ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَّمَهَا هَذَا  
الدُّعَاءَ:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ، وَمَا قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ. وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ، وَمَا  
قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ.

رَوَاهُ أَحْمَدُ

*Diriwayatkan dari Aisyah r.anha, bahawa Rasulullah s.a.w telah mengajarkannya doa berikut:*

*Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu syurga dan segala perkataan atau perbuatan yang dapat menghampirkan aku kepadanya. Dan aku berlindung denganMu dari neraka dan segala perkataan atau perbuatan yang boleh menghampirkan aku kepadanya.*

*H.R Ahmad*

### Biografi Sahabat:

Selain dari ilmu dan kefahaman yang tinggi, Aisyah juga seorang wanita yang rajin melakukan pelbagai kebaikan. Beliau sering berpuasa sunat dan menunaikan solat di waktu malam. Beliau juga sering bersedekah hingga ia tidak meninggalkan baki harta untuk dirinya sendiri.

Pernah suatu hari ketika ia sedang berpuasa, ada orang datang meminta-minta makanan kepadanya. Lalu

beliau memberikan ke semua rotinya tanpa meninggalkan baki.

Abdullah bin Zubair berkata: "Aku tidak pernah melihat dua orang wanita yang paling dermawan melebihi Aisyah dan Asma` binti Abu Bakar As-Siddiq. Aisyah sering mengumpulkan sesuatu sehingga apabila ia sudah banyak, dia akan mengagihkannya. Ada pun Asma`, ia tidak pernah menyimpan sesuatu sehingga hari esok (ia segera bersedekah)."

### **Pedoman Doa:**

1. Ini di antara doa yang ringkas tetapi merangkumi pelbagai kebaikan di dunia dan akhirat.
2. Syurga dan neraka adalah 2 kemuncak balasan Allah s.w.t terhadap manusia di akhirat kelak. Syurga disediakan untuk hambaNya yang bertaqwa, sementara neraka disediakan untuk hambaNya yang sombong dan ingkar terhadap perintah Allah.
3. Manusia tidak masuk syurga atau terjun di dalam neraka begitu sahaja. Mereka mendapat balasan disebabkan usaha dan amalan yang telah mereka lakukan di dunia dahulu.
4. Dengan doa ini, kita secara tidak langsung turut meminta agar diberi kekuatan untuk melakukan amal soleh dan kebaikan dengan ikhlas dan istiqamah, sehingga ia menjadi asbab kita mendapat rahmat Allah di hari akhirat.
5. Untuk mendapatkan nikmat syurga dan dijauhi azab neraka, tidak cukup sekadar mahu dan berazam, tapi ia perlu diiringi dengan usaha berterusan yang terangkum dalam prinsip Taqwa.

# Mendoakan Kebaikan Untuk Ibu Dan Bapa

Allah berfirman:

وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيْنِي صَغِيرًا

*Dan doakanlah untuk mereka (ibu bapa): "Wahai Tuhanku, cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya mendidiku semasa kecil."*

Surah Al-Isra` : 24

## Pedoman Doa:

1. Ibu bapa merupakan manusia yang paling berjasa terhadap anak-anak<sup>86</sup>. Mereka berdua telah mula mencurahkan kasih sayang sejak anak berada di dalam rahim ibu lagi. Si ibu menjaga kandungannya dengan membuat pemeriksaan berkala di klinik, mengambil makanan berkhasiat dan ubat tertentu yang bermanfaat untuk tumbesaran janin. Manakala si bapa pula memberi sokongan moral dan kewangan bagi memastikan anak dalam kandungan sentiasa dalam keadaan baik.
2. Kasih sayang ini berterusan sehingga anak dilahirkan ke dunia. Ibu dan bapa menyediakan kelengkapan untuk bayi dan memberi perhatian yang tinggi bagai menatang minyak yang penuh.

<sup>86</sup> Fakhr Ad-Din Ar-Razi, **Mafatih Al-Ghaib**, 20/322

3. Atas jasa-jasa besar tersebut, Allah s.w.t mewajibkan anak-anak menghargai ibu bapa melalui kebaktian terhadap mereka. Selain dari berlemah-lembut, menghormati, memuliakan, membantu dan meringankan beban, anak-anak disaran mendoakan kebaikan untuk ibu bapa mereka.
4. Mendoakan rahmat dan kasih sayang Tuhan untuk ibu bapa ketika mereka masih hidup atau sudah meninggal dunia adalah salah satu cara anak-anak menghargai dan berterima kasih kepada mereka berdua atas segala jasa yang tidak terhingga. Ini jika ibu bapa tersebut merupakan penganut Islam.
5. Jika mereka berdua tidak beragama Islam, si anak yang beragama Islam masih boleh mendoakan rahmat untuk mereka berdua semasa mereka hidup, dengan maksud 'semoga mereka diberi hidayah dan tergolong di kalangan mereka yang dirahmati oleh Allah<sup>87</sup>.
6. Adapun jika mereka sudah meninggal dunia dalam keadaan tidak menganut Islam, para ulama bersepakat si anak sudah tidak boleh lagi mendoakan rahmat dan pengampunan<sup>88</sup> kerana mereka berdua sudah tidak termasuk dalam kalangan orang yang layak mendapat rahmat Tuhan.

<sup>87</sup> Muhammad bin Ahmad Al-Qurtubi, **Al-Jami` Li Ahkam Al-Quran**, 8/274. Lihat Portal Islamqa, Hal Yajuz Ad-Du`a Li Al-Kafir Al-Hayy Bi Al-Maghfirah Wa Ar-Rahmah? <https://islamqa.info/ar/answers/153574/%D9%87%D9%84-%D9%8A%D8%AC%D9%88%D8%B2-%D8%A7%D9%84%D8%AF%D8%B9%D8%A7%D8%A1-%D9%84%D9%84%D9%83%D8%A7%D9%81%D8%B1-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D9%8A-%D8%A8%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%BA%D9%81%D8%B1%D8%A9-%D9%88%D8%A7%D9%84%D8%B1%D8%AD%D9%85%D8%A9>, diakses pada 14 Jun 2022

<sup>88</sup> Yahya bin Syaraf An-Nawawi, **Al-Majmu` Syarh Al-Muhazzab**, 5/144

## Doa Memohon Dikurniakan Zuriat Yang Taat Dan Berkebolehan

Allah berfirman:

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي، رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ ﴿٣٧﴾

*Wahai Tuhanku, jadikanlah aku orang yang mendirikan solat dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doaku.*

Surah Ibrahim: 40

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَضَعَ يَدَهُ عَلَى كَتِفِي، ثُمَّ قَالَ:

اللَّهُمَّ فَفِّهْهُ فِي الدِّينِ، وَعَلِّمَهُ التَّأْوِيلَ.

رَوَاهُ أَحْمَدُ

*Daripada Ibn Abbas r.anhuma katanya, Rasulullah s.a.w pernah meletakkan tangannya di atas bahunya, lalu berdoa:*

*Ya Allah, berikan ia kefahaman tentang agama dan ajarkan ia tafsir Al-Quran.*

H.R Ahmad

## **Biodata Sahabat:**

Abdullah sempat menimba ilmu dari Nabi s.a.w sekitar tempoh 6 – 7 tahun. Ketika Nabi wafat, usia beliau baru mencecah 14 tahun. Setelah pemergian baginda, beliau mencari para ulama di kalangan sahabat yang lebih senior untuk mempelajari ilmu dari mereka. Malah, setiap kali mendapat tahu ada hadith Nabi pada seseorang sahabat, beliau akan pergi menemui sahabat tersebut.

Abdulullah pernah menanti lama di pintu rumah Ubay bin Ka`ab semata-mata kerana menunggu dia keluar dan mahu belajar ilmu darinya. Setelah Ubay keluar, beliau terkejut dan berkata, “kenapa tuan tidak memberitahu agar saya yang datang menemui tuan?” Ibn Abbas menjawab, “Sayalah yang lebih patut mendatangi orang yang berilmu.”

Di saat pembukaan negara-negara rancak berlaku di zaman pemerintahan Saidina Umar bin Al-Khattab dan ramai yang berkelana ke tempat yang baharu, Abdullah tetap terus kekal di Madinah untuk menimba ilmu dari khalifah Umar dan sahabat Nabi yang lain yang masih hidup. Abdullah bin Abbas adalah contoh teladan tentang kegigihan dan kesabaran dalam menuntut ilmu.

## **Pedoman Doa:**

1. Di antara tanggungjawab ibu dan bapa terhadap anak-anak ialah sentiasa mendoakan kebaikan untuk mereka.
2. Dalam doa yang pertama, Nabi Ibrahim a.s berdoa untuk diri dan anak-anak keturunannya agar mereka menjadi generasi muslim yang mendirikan solat dengan ikhlas dan khusyuk pada waktu-waktunya yang telah ditetapkan<sup>89</sup>.

<sup>89</sup> Muhammad Sayyid At-Tantawi, **At-Tafsir Al-Wasit Li Al-Quran Al-Karim**, 7/570

3. Solat merupakan cara untuk manusia berhubung dengan Allah, memperkuat iman dan keyakinan kepada rahmatNya serta mewujudkan rasa tenang dalam hati<sup>90</sup>.
4. Dalam doa yang kedua, Nabi Muhammad s.a.w pernah mendoakan Abdullah bin Abbas agar diberikan kefahaman terhadap agama Islam dan ajaran Al-Quran.
5. Allah telah mengkabulkan doa Nabi dan menjadikan Ibn Abbas insan yang digelar lautan ilmu dan tinta bangsa Arab disebabkan keilmuan dan kefahaman beliau yang luas<sup>91</sup>.
6. Justeru, ibu dan bapa hendaklah selalu mendoakan kebaikan untuk anak-anak mereka agar mereka menjadi penyujuk mata keluarga dan masyarakat.
7. Ibu bapa boleh mendoakan mereka, sama ada dengan doa sebegini atau apa sahaja bentuk doa yang lain yang merangkumi kebaikan di dunia dan akhirat.

90 Wahbah Az-Zuhaili, **At-Tafsir Al-Wasit**, 2/1240

91 Najm Ad-Din At-Tufi, **At-Ta`yin Fi Syarh Al-Arba`in**, 265

## Doa Memohon Isteri dan Zuriat Tergolong Di Kalangan Orang Yang Menyenangkan

Allah berfirman:

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا فَرَةً أَعْيُنَ، وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

*Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami sebagai penyenang hati, dan jadikan kami pemimpin ikutan bagi orang-orang yang bertaqwa.*

*Surah Al-Furqan: 74*

### Pedoman Ayat:

1. Ayat Al-Quran ini sesuai diamalkan sebagai doa dari seorang bapa dan suami kepada anak-anak dan isteri.
2. Isi doa ini mengandungi 3 permintaan iaitu:
  - a. Dikurniakan isteri yang menyenangkan hati.
  - b. Dikurniakan anak-anak yang menjadi penyejuk mata.
  - c. Digolongkan dalam kelompok yang menjadi ikutan bagi orang-orang yang bertaqwa.
3. Maksud penyejuk mata ialah menjadi insan yang baik, bertakwa dan mentaati Allah s.w.t<sup>92</sup>. Orang yang mendapat ahli keluarga yang baik, bererti ia mendapat kebahagiaan dalam kehidupannya.

<sup>92</sup> Lihat Abu Al-Hasan Ali Al-Wahidi An-Naisaburi, **At-Tafsir Al-Wasit**, 3/349



4. Maksud menjadi 'pemimpin ikutan bagi orang-orang bertaqwa' ialah suami atau bapa meminta Allah menggolongkannya di kalangan insan yang baik sehingga ia menjadi teladan yang bermanfaat untuk isteri, anak-anak, cucu-cucu dan golongan bertaqwa<sup>93</sup>.
5. Secara tidak langsung, suami atau bapa turut memohon kepada Allah agar menjadikan ia insan yang baik dan mentaati Allah s.w.t.
6. Apabila ketua keluarga dan seisi rumahnya menjadi insan yang baik dan taat kepada Tuhan, mereka akan menikmati kehidupan yang tenang di dunia dan membuka ruang yang luas untuk sama-sama memasuki syurga di akhirat kelak, insya Allah.

---

<sup>93</sup> Muhammad Muhammad Rasmi Qabbani, **Fiqh Ad-Dua** Fi Al-Quran Al-Karim, 172

## Doa Meminta Perlindungan Untuk Zuriat Daripada Penguasaan Syaitan

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَوْ أَنَّ  
أَحَدَكُمْ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَأْتِيَ أَهْلَهُ فَقَالَ: بِاسْمِ اللَّهِ، أَلَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ، وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ  
مَا رَزَقْتَنَا، فَإِنَّهُ إِنْ يَتَقَدَّرَ بَيْنَهُمَا وَلَدٌ فِي ذَلِكَ، لَمْ يَضُرَّهُ شَيْطَانٌ أَبَدًا  
رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

*Daripada Ibn Abbas r.anhuma katanya, sabda Rasulullah s.a.w:  
Jika salah seorang di kalangan kamu mahu berhubungan  
kelamin dengan isterinya, ia hendaklah berkata: Dengan nama  
Allah. Ya Allah, jauhkan kami dari syaitan, dan jauhkan syaitan  
dari apa yang Engkau kurniakan. Sesungguhnya jika ditakdirkan  
anak untuk kedua-duanya, ia tidak akan dapat dimudaratkan  
oleh syaitan.*

*H.R Al-Bukhari dan Muslim*

### Biografi Sahabat:

Dengan keilmuan dan ketokohan Ibn Abbas, ramai manusia berpusu-pusu menghadiri majlis ilmu beliau.

Ibn Mas`ud berkata, "Ibn Abbas adalah pakar di bidang tafsir Al-Quran." `Amr bin Dinar pula berkata: "Aku tidak pernah melihat majlis ilmu yang menghimpunkan pelbagai pelajaran seperti yang dilakukan oleh Ibn Abbas.

Beliau mengajar halal dan haram, sastera Arab, genealogi<sup>94</sup> dan syair Arab.

Apabila manusia semakin ramai datang belajar, Ibn Abbas telah memperkemas jadual agar pengajaran dapat dilakukan dengan lebih terarah. Beliau telah mengkhususkan subjek tentu seperti Fiqh dan Hukum, Tafsir, Sirah, Syair Arab dan Sejarah pada hari yang berasingan agar kehadiran orang lebih teratur dan penyampaiannya lebih berfokus.

### **Pedoman Doa:**

1. Syaitan telah berusaha merosakkan manusia sejak Iblis mengisytiharkan permusuhannya kepada moyang kita, Nabi Adam a.s. Sejak itu, mereka sentiasa merancang untuk menjebakkan manusia ke dalam kebinasaan dalam pelbagai bentuk dan cara.
2. Hal ini termasuklah mengganggu manusia yang bakal dilahirkan iaitu dengan cara syaitan jin turut bersama-sama dalam aktiviti hubungan kelamin manusia<sup>95</sup>.
3. Justeru bagi mengelakkan perkara ini berlaku, Nabi s.a.w mengingatkan umatnya agar meminta perlindungan Allah ketika hendak berhubungan kelamin.
4. Perlindungan dari mudarat syaitan bermaksud, syaitan tidak mempunyai kekuatan yang mutlak untuk selamanya menguasai atau menyesatkan anak yang pernah didoakan oleh ibu bapanya<sup>96</sup>.

94 Genealogi ialah sebuah subjek berkaitan susur galur keturunan kabilah dan keluarga sesuatu kaum.

95 Lihat Abu Ja'afar At-Tabari, **Tafsir At-Tabari**, 23/65 (ayat 56, Surah Ar-Rahman

96 Abu Al-Abbas Al-Qurtubi, **Al-Mufhim Li Ma Ushkila Min Talkhis Kitab Muslim**, 4/159 - 160

5. Ini bererti, seorang bayi itu masih boleh terkena gangguan kerasukan, sihir atau diperdaya oleh bisikan syaitan<sup>97</sup> dari masa ke semasa. Namun dengan berkat doa ibu bapa kepada Allah, impaknya tidak bersifat kekal dan ia boleh pulih atau kembali ke pangkal jalan dengan perlindungan dan bimbingan Allah s.w.t.
6. Mendoakan kebaikan untuk anak-anak perlu dimulakan ibu dan bapa sebelum anak mereka wujud di dalam rahim ibu. Ia adalah sebuah usaha agar zuriat manusia sentiasa berada dalam perlindungan Allah s.w.t dari gangguan syaitan.

## Doa Ketika Hendak Tidur

عَنْ حُدَيْفَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَوَى إِلَى فِرَاشِهِ قَالَ:  
 اَللّٰهُمَّ بِاسْمِكَ اَمُوْتُ وَاَحْيَا.

رَوَاهُ اَحْمَدُ

*Daripada Huzaifah r.anhu katanya, Nabi s.a.w apabila berbaring di atas tilam, ia berkata:*

*Ya Allah, dengan namaMu aku mati dan aku hidup.*

*H.R Ahmad*

### Biografi Sahabat:

Huzaifah bin Al-Yaman di antara sahabat Nabi yang memeluk agama Islam sebelum melihat dan bertemu baginda. Setelah baginda tiba di Madinah, Huzaifah telah menyertai semua peperangan bersama Rasul melainkan perang Badar.

Huzaifah merupakan individu yang menjadi penyebab kepada penyalinan dan pembukuan Al-Quran Rasm Uthmani. Dalam peristiwa perang di Armenia dan Azerbaijan di zaman pemerintahan Saidina Uthman bin Affan, Huzaifah mendapati tentera Islam telah bertelagah dalam isu sebutan dan cara bacaan Al-Quran sehingga timbul bibit-bibit takfir dan menyesatkan. Bimbangkan perpecahan umat, Huzaifah meminta kepada Khalifah Uthman agar menyatukan umat di atas satu bentuk bacaan yang seragam.

Lalu Saidina Uthman melantik beberapa orang

sahabat yang diketuai oleh Zaid bin Thabit agar menyalinkan 6 buah mushaf baharu dalam bahasa kabilah Quraish, serta menghantarnya ke seluruh pelusuk negara umat Islam. Sejak itu, umat Islam membaca Al-Quran dengan bahasa kabilah Quraish seperti yang kita semua pelajarinya pada hari ini.

### **Pedoman Doa:**

1. Setelah kita memulakan hari dengan berdoa ketika bangun tidur, maka kita disunatkan mengakhiri hari dengan berdoa ketika hendak tidur.
2. Sebahagian ulama berkata, orang yang memulakan hari serta mengakhiri malamnya dengan zikir, akan mendapat kebaikan dan keampunan untuk kesalahan-kesalahan yang berlaku di sepanjang hari dan malam tersebut<sup>98</sup>.
3. Selain doa di atas, kita juga digalakkan membaca Ayat Al-Kursi (ayat 255, surah Al-Baqarah) sebelum tidur agar mendapat perlindungan Allah dari gangguan syaitan<sup>99</sup>.
4. Dalam sebuah hadith riwayat Al-Bukhari<sup>100</sup>, Nabis.a.w juga menggalakkan kita berwuduk sebelum tidur. Dalam sebuah hadith riwayat Al-Baihaqi pula Nabi menjelaskan, malaikat mendoakan pengampunan buat orang yang tidur dalam keadaan berwuduk<sup>101</sup>.
5. Disunatkan memulakan tidur di atas bahagian kanan badan agar ia dapat mengingatkan manusia kepada keadaan dirinya di dalam kubur kelak<sup>102</sup>.

<sup>98</sup> Zayn Ad-Din Al-Munawi, **At-Taisir Bi Syarh Al-Jami` As-Saghir**, 2/189

<sup>99</sup> Lihat **Sahih Al-Bukhari**, no. hadith 2187

<sup>100</sup> Hadith bernombor 244

<sup>101</sup> Lihat **Syuhab Al-Iman**, no. hadith 2780

<sup>102</sup> Lihat hadith dalam **Sahih Al-Bukhari**, nombor 244

6. Setelah berdoa dan melafazkan zikir, kita tidak digalakkan berbual-bual. Ini bagi memastikan kalimah mulia dari zikir tersebut menjadi perkataan terakhir yang **disebut** sebelum kita menutup mata<sup>103</sup>.

diucapkan

وَاللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَعْلَمُ  
تَمَّ الْكِتَابُ بِعَوْنِ اللَّهِ الْمَلِكِ الْوَهَّابِ

103 Lihat **Sahih Al-Bukhari**, no. hadith 244

# Daftar Isi

Pendahuluan .....	1
Janji Allah Kepada Pendoa.....	3
Doa Setelah Bangun Dari Tidur .....	5
Doa Memasuki Tandas .....	8
Doa Keluar Dari Tandas .....	11
Penghulu Segala Istighfar .....	14
Doa Memohon Keampunan Di Dalam Solat .....	17
Doa Meminta Kesejahteraan Pada Agama, Dunia dan Akhirat .....	20
Doa Memohon 4 Perkara Yang Penting Dalam Kehidupan .....	23
Doa Meminta Perlindungan Dari 4 Jenis Kerugian .....	26
Doa Berlindung Dari Sikap Dan Keadaan Yang Buruk .....	29
Doa Memohon Jiwa dan Hati Yang Bersih .....	32
Doa Memohon Dikekalkan Kurniaan Dan Nikmat .....	34
Doa Memohon Hati Yang Cekal Untuk Melakukan Taat .....	37
Doa Memohon Kebaikan Dunia Dan Akhirat Secara Borong .....	40
Doa Meminta Dijauhkan Dari Segala Jenis Kejahatan .....	43
Doa Meminta Dilindungi Dari Kejahatan Diri Sendiri .....	46
Doa Meminta Bimbingan Allah Dalam Situasi Bingung Dan Bercelaru .....	49
Doa Meminta Perlindungan Ketika Keluar Dari Rumah .....	52
Doa Ketika Hendak Bermusafir .....	55
Doa Ketika Singgah Di Suatu Tempat .....	58
Doa Berlindung Dari Mudarat Hujan .....	60



Doa Merawat Penyakit Sendiri .....	63
Mendoakan Kesembuhan Untuk Orang Yang Sakit .....	66
Doa Meminta Perlindungan Dari Ditimpa Bencana .....	69
Mendoakan Perlindungan Untuk Orang Lain .....	72
Doa Istikharah (Meminta Pilihan Yang Terbaik Dari Allah).....	75
Doa Selepas Solat Hajat .....	79
Doa Untuk Mengatasi Masalah Hutang .....	83
Doa Meminta Dihilangkan Kesedihan Dan Kemurungan .....	86
Antara Cara Mendapatkan Perkenan Allah Dalam Berdoa .....	89
Doa Ketika Menghadapi Kesukaran Dalam Sesuatu Urusan .....	92
Doa Penghargaan Untuk Pelaku Kebaikan .....	94
Doa Dikekalkan Nikmat Anggota Badan Sepanjang Hayat ....	97
Doa Dipermudahkan Melakukan Kebaikan Dan Meninggalkan Kejahatan .....	100
Doa Memohon Syurga Dan Dijauhi Neraka .....	102
Mendoakan Kebaikan Untuk Ibu Dan Bapa .....	104
Doa Memohon Dikurniakan Zuriat Yang Taat Dan Berkebolehan .....	106
Doa Memohon Isteri dan Zuriat Tergolong Di Kalangan Orang Yang Menyenangkan .....	109
Doa Meminta Perlindungan Untuk Zuriat Daripada Penguasaan Syaitan .....	111
Doa Ketika Hendak Tidur .....	114